



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**TIPOLOGI KETERANCAMAN DIALEK MELAYU PATANI DARI
PERSPEKTIF ETNOLINGUISTIK**

WAN KHAIRULHUSNA BINTI WAN MOKHTAR

FBMK 2019 26



**TIPOLOGI KETERANCAMAN DIALEK MELAYU PATANI DARI
PERSPEKTIF ETNOLINGUISTIK**

Oleh

WAN KHAIRULHUSNA BINTI WAN MOKHTAR

**Tesis Ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah
Doktor Falsafah**

Oktober 2018

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta© Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

TIPOLOGI KETERANCAMAN DIALEK MELAYU PATANI DARI PERSPEKTIF ETNOLINGUISTIK

Oleh

WAN KHAIRULHUSNA BINTI WAN MOKHTAR

Oktober 2018

Pengerusi : Prof. Madya Mohd Sharifudin bin Yusop, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Pengkajian berkaitan keterancaman sesuatu bahasa atau dialek minoriti di Malaysia semakin menjadi tumpuan para sarjana kerana kesedaran bahawa dialek-dialek tersebut merupakan salah satu daripada khazanah negara. Dialek Melayu Patani yang dituturkan oleh masyarakat Melayu Patani juga tidak terkecuali dari permasalahan berkaitan keterancaman akibat pertembungan bahasa dan pengaruh bahasa luar. Satu kajian lapangan untuk meneliti dialek Melayu Patani telah dijalankan di dua buah lokasi kajian iaitu Kampung Chepir mewakili Sik Kedah dan Kampung Kuak Hulu pula mewakili Pengkalan Hulu, Perak dengan responden seramai 150 orang bagi setiap lokasi. Kedua-dua lokasi tersebut adalah di bahagian pedalaman yang paling hulu. Objektif pertama kajian adalah menganalisis aspek fonologi dan leksikal dialek Melayu Patani di Kedah dan Perak. Objektif kedua pula adalah menilai sikap masyarakat Melayu Patani di Kedah dan Perak terhadap pemilihan dialek Melayu Patani berdasarkan mandala-mandala tertentu. Objektif ketiga adalah menghuraikan tipologi keterancaman dialek Melayu Patani di Kedah dan Perak. Pendekatan etnolinguistik yang menjadi dasar kepada kajian, berkepentingan untuk menilai sikap dan pemilihan bahasa masyarakat Melayu Patani. Bagi menjelaskan objektif-objektif kajian, pendekatan etnolinguistik adalah berdasarkan tiga kerangka teori iaitu teori domain atau mandala, teori fonetik struktural dan teori tipologi keterancaman bahasa. Pendekatan kuantitatif dan pendekatan kualitatif digunakan bagi memperoleh data melalui kaedah kepustakaan dan kajian lapangan yang membabitkan teknik rakaman, teknik temu bual, teknik soal selidik, teknik pemerhatian, dan teknik lafaz. Hasil dapatan mendapati masyarakat Melayu Patani di kedua-dua lokasi kajian berjaya menunjukkan sifat positif etnosentrik dan antusiasme yang tinggi dalam memartabatkan bahasa ibunda mereka. Situasi ini terbukti apabila dialek Melayu Patani masih dalam keadaan selamat walaupun terdapat pertembungan bahasa.

Selain itu, pendokumentasian kosa kata dialek Melayu Patani membuktikan dialek Hulu dan dialek Kuak Hulu yang digelar oleh masyarakat Melayu Patani sebenarnya adalah dialek Melayu Patani. Ini dibuktikan dengan melihat kekerabatan bahasa antara kedua-duanya. Hubungan kekeluargaan yang diterapkandalam kelompok masyarakat mereka mampu melestarikandialek Melayu Patani sehingga berabad lamanya. Selagi masyarakat Melayu Patani terus menggunakan bahasa ibunda mereka dengan rasa bangga, selagi itu bahasa akan hidup selamanya. Kebergantungan ini berbalik kepada sikap penutur sendiri sama ada akan terus menggunakannya atau melupakan bahasa nenek moyang mereka.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**DETERIORATION TYPOLOGY OF THE MALAY PATANI DIALECTS
FROM ETHNOLINGUISTICS PERSPECTIVE**

By

WAN KHAIRULHUSNA BINTI WAN MOKHTAR

October 2018

Chairman : Associate Professor Mohd Sharifudin bin Yusop, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

Study on deterioration of a minority language or dialect in Malaysia has become a focus of scholars because the dialects are one of the country's treasures. The Malay dialect of Patani, is also in the condition of deterioration due to language collapse and influence of foreign language. A field study to examine the Malay dialect of Patani was conducted in two locations, namely Kampung Chepir representing Sik, Kedah and Kampung Kuak Hulu representing Pengkalan Hulu, Perak with 150 respondents for each location. Both locations are in the most remote area. The first objective of the study is to analyze the phonological and lexical aspect of Malay Patani dialect in Kedah and Perak. The second objective is to evaluate the attitude of Malay Patani community in Kedah and Perak to the selected Malay Patani dialect based on certain domains. The third objective is to elaborate the deterioration of typology against the sustainability of Malay dialect in Kedah and Perak. Ethnolinguistic approach is very important to evaluate attitude and language selection in Malay Patani community. In order to clarify the objectives of the study, the ethnolinguistic approaches are based on three theoretical frameworks namely domain theory or mandala, structural phonetic theory and typology theory of language impairment. Quantitative and qualitative approaches are used to obtain data through library methods and field studies involving recording, interview, questionnaire, observation and oral techniques. The findings found that the Malay Patani community at both locations successfully demonstrated their positive ethnocentrism and enthusiasm in upholding their native language. This situation shown that the Malay Patani dialect is still in good condition despite the collision of languages . In addition, the documentation of the Malay Patani dialect known as Ulu dialect and Kuak Hulu dialect by the Malay Patani community is actually the Malay dialect of Patani. It can be seen by the familiarity and relationship between these two dialects. Strong family relationship indicates that the Malay Patani community in both locations will be able to sustain for centuries. As long as Malay

Patani community continues to use their mother tongue with pride, as long as the language will live forever. This reliance returns to the attitude of the individual speakers themselves whether they will continue to use them or to forget the language of their ancestors.



PENGHARGAAN

Limpahan kesyukuran saya panjatkan kepada Allah S.W.T yang telah memberikan kekuatan, kesabaran dan kecelikan akal dalam melengkapkan tesis ini. Sememangnya tugas ini merupakan satu cabaran besar yang ditunjangi dengan bantuan, bimbingan, nasihat, sokongan dan kerjasama daripada pelbagai pihak. Alhamdulillah, tesis ini dapat disempurnakan bagi memperoleh Ijazah Doktor Falsafah di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Mohd Sharifudin Yusop selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan Tesis yang sentiasa tekun memberi bimbingan, tunjuk ajar, panduan, dan semangat sehingga siapnya penulisan tesis ini dengan sebaiknya. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Prof Madya Dr. Raja Masittah Raja Ariffin, selaku mantan Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan Tesis. Buat Prof Madya Dr. Adi Yasran dan Prof Madya Dr. Norazlina Kiram selaku Jawatankuasa Penyeliaan Tesis yang senantiasa memberi sokongan dan bimbingan yang diperlukan. Semoga Allah memberkati ilmu yang telah dicurahkan sepanjang proses penyiapan tesis ini.

Penghargaan terima kasih juga ditujukan kepada Ketua Kampung Kuak Hulu, Encik Samsudin Ahmad dan informan-informannya serta Ketua Kampung Bukit Chepir, Encik Abdul Rahman Awang Ahmad juga informan-informannya. Sekalung budi juga ditujukan kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung seperti KPT (Kementerian Pendidikan Tinggi) yang memberi bantuan kewangan MyPhD, Pusat Dokumentasi Dewan Bahasa dan Pustaka, Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia, Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Negara, dan Perpustakaan Pendeta Za'ba, Universiti Malaya atas segala maklumat dan bantuan yang diperoleh.

Salam hormat dan kasih buat ayahanda Hj. Wan Mokhtar Wan Ali, kedua mertua, dan keluarga yang senantiasa menadah tangan mendoakan kejayaan ini serta sekalung doa buat Allayarhamah bonda Hajjah Khadijah Darus, semoga bonda berbahagia dalam jagaannya. Buat suami yang tercinta, Fauzi Jumat yang banyak menyokong dan mendorong pendidikan saya sehingga ke peringkat Doktor Falsafah. Tanpa sokongan moral dan bantuan yang tidak ternilai oleh beliau, saya tidak akan berjaya menyiapkan kajian dan tesis yang sungguh bermakna ini. Tidak lupa buat puteriku Orked Nurthani Fauzi yang dikasihi, semoga memperoleh kejayaan yang cemerlang.

Buat teman-teman, jasa baik kalian telah mengajar diri ini tentang metafora kehidupan. Kesabaran dan kecekalan kalian dalam memaknakan erti persahabatan ini akan senantiasa segar dalam ingatan. Terima kasih atas segala kenangan ini. Akhir kalam, semoga tesis ini dapat dimanfaatkan oleh semua pihak.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada _____ untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Wan Khairulhusna Binti Wan Mokhtar bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Dialek Melayu Patani di Kedah dan Perak Serta Tipologi Keterancamannya Berdasarkan Etnolinguistik” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A)106] _____. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahasa calon ini layak dianugerahi Ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Normaliza Binti Abd Rahim, PhD

Profesor Dr
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Mohd. Zariat Bin Abdul Rani, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Ahmad Mahmood Bin Musanif, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Salasiah Binti Che Lah, PhD

Profesor Madya
Pusat Pengajian Bahasa Inggeris
Universiti Sains Malaysia
(Pemeriksa Luar)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 4 September 2019

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai mematuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Mohd Sharifudin Bin Yusop, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Adi Yasran Bin Abdul Aziz, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli Jawatankuasa)

Norazlina Binti Mohd Kiram, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli Jawatankuasa)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbas dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Wan Khairulhusna Binti Wan Mokhtar, GS33485

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa Penyeliaan: Prof Madya Dr Mohd Sharifudin Yusop

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa Penyeliaan: Prof. Madya Dr. Adi Yasran Abdul Aziz

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa Penyeliaan: Prof. Madya Dr. Norazlina Mohd Kiram

ISI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI GRAF	xvi
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI CARTA	xviii
SENARAI SINGKATAN	xix
BAB	
1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	3
1.3 Soalan Kajian	7
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Kepentingan Kajian	7
1.6 Batasan Kajian	9
1.7 Definisi Operasional	10
1.7.1 Dialek Melayu Patani	10
1.7.2 Tipologi Keterancaman Bahasa	15
1.7.3 Etnolinguistik	17
1.8 Kesimpulan	18
2 SOROTAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	20
2.2 Kajian Tentang Kepelbagaian Dialek dan Dialek Melayu	20
2.3 Kajian Tentang Pemilihan Bahasa, Mandala dan Sikap	31
2.4 Kajian Tentang Etnolinguistik	39
2.5 Kajian Tentang Keterancaman, Kelestarian dan Kepupusan	40
2.6 Kesimpulan	43
3 METODOLOGI	
3.1 Pengenalan	45
3.2 Reka Bentuk Kajian	46
3.3 Konsep dan Kerangka Teori	47
3.3.1 Analisis Linguistik	48
3.3.2 Teori Mandala Sikap Bahasa	51
3.3.3 Teori Tipologi Keterancaman Bahasa	54
3.4 Kerangka Konseptual	57
3.5 Lokasi Kajian	59
3.5.1 Kampung Kuak Hulu Pengkalan Hulu, Perak	59
3.5.2 Kampung Chepir Sik, Kedah	61

3.6	Populasi dan Persampelan	61
3.7	Tatacara Kajian	62
	3.7.1 Teknik Temu Bual	63
	3.7.2 Teknik Lafaz	64
	3.7.3 Teknik Pemerhatian	65
	3.7.4 Teknik Rakaman	66
	3.7.5 Teknik Soal Selidik	67
3.8	Kesimpulan	68
4	ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	69
4.2	Aspek Fonologi dan Leksikal Dialek Melayu Patani di Kedah dan Perak	69
	4.2.1 Aspek Fonologi dan Leksikal di Sik Kedah	69
	4.2.1.1 Ciri Fonemik Vokal	69
	4.2.1.2 Ciri Fonemik Diftong	72
	4.2.1.3 Konsonan	73
	4.2.1.4 Ciri Fonemik Konsonan Letupan Tidak Bersuara Tidak Berhembus [p], [t], [k], [ʔ]	74
	4.2.1.5 Ciri Fonemik Konsonan Letupan Tidak Bersuara Berhembus [p ^h], [t ^h], [c ^h], [k ^h]	75
	4.2.1.6 Ciri Fonemik Konsonan Letupan Bersuara [b], [d], dan [g]	76
	4.2.1.7 Ciri Fonemik Konsonan Geseran Tidak Bersuara [s], [h], dan Konsonan Geseran Bersuara [ʃ]	77
	4.2.1.8 Ciri Fonemik Konsonan Sengauan Bersuara [m], [n], [ɲ], dan [ŋ]	77
	4.2.1.9 Ciri Fonemik Konsonan Nasal/Sengauan Separa Sengau [mb], [nd], [ɲ ^j], dan [ŋg]	78
	4.2.1.10 Ciri Fonemik Konsonan Sisian Bersuara [l] dan Konsonan Getaran Bersuara [r]	79
	4.2.1.11 Ciri Fonemik Konsonan Letusan Tidak Bersuara [c] dan Konsonan Letusan Bersuara [j]	79
	4.2.1.12 Ciri Fonemik Konsonan Separuh Vokal Bersuara [w] dan [y]	80
	4.2.1.13 Analisis Leksikal dan Makna	80
	4.2.1.14 Mandala Anggota Badan	81
	4.2.1.15 Mandala Cuaca dan Alam	81
	4.2.1.16 Mandala Fauna dan Haiwan	81
	4.2.1.17 Mandala Peralatan Rumah dan Pakaian	82
	4.2.1.18 Mandala Panggilan dan Pertanyaan	82
	4.2.1.19 Mandala Flora dan Makanan	82
	4.2.1.20 Mandala Perlakuan dan Perasaan	83
	4.2.1.21 Mandala Sifat	83
	4.2.1.22 Mandala Bilangan dan Tunjuk Arah	84
	4.2.1.23 Mandala Kata Nama dan Adverba	84

4.2.2	Aspek Fonologi dan Leksikal di Peng. Hulu Perak	84
4.2.2.1	Ciri Fonemik Vokal	84
4.2.2.2	Ciri Fonemik Diftong	87
4.2.2.3	Konsonan	87
4.2.2.4	Ciri Fonemik Konsonan Letupan Tidak Bersuara Tidak Berhembus [p], [t], [k], [ʔ]	88
4.2.2.5	Ciri Fonemik Konsonan Letupan Tidak Bersuara Berhembus [p ^h], [t ^h], [c ^h], [k ^h]	89
4.2.2.6	Ciri Fonemik Konsonan Letupan Bersuara [b], [d], dan [g]	90
4.2.2.7	Ciri Fonemik Konsonan Geseran Tidak Bersuara [s], [h], dan Konsonan Geseran Bersuara [ɣ]	91
4.2.2.8	Ciri Fonemik Konsonan Sengauan Bersuara [m], [n], [ɲ], dan [ŋ]	91
4.2.2.9	Ciri Fonemik Konsonan Nasal/Sengauan Separa Sengau [mb], [nd], [ɲ ^j], dan [ŋg]	92
4.2.2.10	Ciri Fonemik Konsonan Sisian Bersuara [l] dan Konsonan Getaran Bersuara [r]	93
4.2.2.11	Ciri Fonemik Konsonan Letusan Tidak Bersuara [c] dan Konsonan Letusan Bersuara [j]	93
4.2.2.12	Ciri Fonemik Konsonan Separuh Vokal Bersuara [w] dan [y]	94
4.2.2.13	Analisis Leksikal dan Makna	94
4.2.2.14	Mandala Anggota Badan	94
4.2.2.15	Mandala Cuaca dan Alam	95
4.2.2.16	Mandala Fauna / Haiwan	95
4.2.2.17	Mandala Peralatan Rumah dan Pakaian	95
4.2.2.18	Mandala Panggilan dan Pertanyaan	96
4.2.2.19	Mandala Flora dan Makanan	96
4.2.2.20	Mandala Perlakuan dan Perasaan	96
4.2.2.21	Mandala Sifat	97
4.2.2.22	Mandala Bilangan dan Tunjuk Arah	97
4.2.2.23	Mandala Kata Nama dan Adverba	98
4.3	Sikap Masyarakat Melayu Patani Terhadap Pemilihan Dialek Melayu Patani	99
4.3.1	Sikap Masyarakat Melayu Patani Terhadap Pemilihan Dialek Melayu Patani Berdasarkan Mandala-mandala Tertentu di Sik Kedah	99
4.3.1.1	Mandala Kekeluargaan	100
4.3.1.2	Mandala Kejiranan	102
4.3.1.3	Mandala Kemasyarakatan	105
4.3.1.4	Mandala Keagamaan	108
4.3.1.5	Mandala Kendiri	110
4.3.1.6	Mandala Pendidikan	115
4.3.1.7	Mandala Jual Beli	118
4.3.1.8	Mandala Rasmi	119

4.3.2	Sikap Masyarakat Melayu Patani Terhadap Pemilihan Dialek Melayu Patani Berdasarkan Mandala-mandala Tertentu di Peng. Hulu Perak	121
4.3.2.1	Mandala Kekeluargaan	122
4.3.2.2	Mandala Kejiranan	125
4.3.2.3	Mandala Kemasyarakatan	127
4.3.2.4	Mandala Keagamaan	129
4.3.2.5	Mandala Kendiri	131
4.3.2.6	Mandala Pendidikan	135
4.3.2.7	Mandala Jual Beli	138
4.3.2.8	Mandala Rasmi	139
4.4	Tipologi Keterancaman Dialek Melayu Patani di Kedah dan Perak	142
4.4.1	Tipologi Keterancaman Dialek Melayu Patani di Kedah	142
4.4.1.1	Jantina	144
4.4.1.2	Status	145
4.4.1.3	Keturunan Ibu Bapa	146
4.4.1.4	Kumpulan Umur	147
4.4.1.5	Tempat Lahir	149
4.4.1.6	Tempat Tinggal	150
4.4.1.7	Pendidikan	151
4.4.1.8	Pekerjaan	153
4.4.1.9	Kebolehan Berbahasa	154
4.4.2	Tipologi Keterancaman Dialek Melayu Patani di Perak	155
4.4.2.1	Jantina	157
4.4.2.2	Status	158
4.4.2.3	Keturunan Ibu Bapa	159
4.4.2.4	Kumpulan Umur	160
4.4.2.5	Tempat Lahir	162
4.4.2.6	Tempat Tinggal	163
4.4.2.7	Pendidikan	164
4.4.2.8	Pekerjaan	166
4.4.2.9	Kebolehan Berbahasa	168
4.5	Kesimpulan	169
5	PENUTUP	
5.1	Pengenalan	171
5.2	Rumusan	171
5.3	Kebaharuan	177
5.4	Implikasi	178
5.5	Cadangan	179
5.6	Penutup	180
	BIBLIOGRAFI	181
	LAMPIRAN	195
	BIODATA PELAJAR	261

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
1.0 Kesepadanan Berdasarkan Perkataan ‘Makan’, ‘Malam’, dan ‘Tulang’	12
1.1 Fonem Konsonan DMP yang dikemukakan Wilding (1979)	13
1.2 Fonem Konsonan DMP yang dikemukakan Phaitoon (1983)	14
1.3 Fonem Konsonan DMP yang dikemukakan Rattiya (1986)	14
1.4 Fonem Konsonan DMP yang dikemukakan Waemaji (1991)	14
3.1 Kerangka Teori	48
3.2 Kerangka Model Kajian Mandala Berasaskan Teori Domain Fishman (1972)	52
3.3 Komponen Terhadap Sikap Bahasa	53
3.4 Model Teoretikal Kematian bahasa Sasse (1992)	55
4.1 Penyebaran Fonem Vokal DMP di Sik	71
4.2 Penyebaran Fonem Diftong	73
4.3 Kedudukan konsonan fonem DMP di Sik Kedah	73
4.4 Penyebaran Fonem Konsonan Plosif Tidak Bersuara Tidak Berhembus	75
4.5 Penyebaran Fonem Konsonan Plosif Tidak Bersuara Berhembus	76
4.6 Penyebaran Fonem Konsonan Plosif Bersuara	76
4.7 Penyebaran Fonem Konsonan Frikatif/ Geseran	77
4.8 Penyebaran Fonem Konsonan Nasal/Sengauan Bersuara	78
4.9 Penyebaran Fonem Konsonan Nasal Separa Sengau	78
4.10 Penyebaran Fonem Konsonan Sisian dan Getaran	79
4.11 Penyebaran Fonem Konsonan Letusan	79
4.12 Penyebaran Fonem Konsonan Separuh Vokal Bersuara	80
4.13 Penyebaran Fonem Vokal DMP di Pengkalan Hulu	86
4.14 Penyebaran Fonem Diftong	87
4.15 Kedudukan konsonan fonem DMP di Pengkalan Hulu	88
4.16 Penyebaran Fonem Konsonan Plosif Tidak Bersuara Tidak Berhembus	89
4.17 Penyebaran Fonem Konsonan Plosif Tidak Bersuara Berhembus	90
4.18 Penyebaran Fonem Konsonan Plosif Bersuara	90
4.19 Penyebaran Fonem Konsonan Frikatif / Geseran	91
4.20 Penyebaran Fonem Konsonan Nasal/Sengauan Bersuara	92
4.21 Penyebaran Fonem Konsonan Nasal Separa Sengau	92
4.22 Penyebaran Fonem Konsonan Sisian Bersuara dan Getaran Bersuara	93
4.23 Penyebaran Fonem Konsonan Letusan	93
4.24 Penyebaran Fonem Konsonan Separuh Vokal Bersuara	94
4.25 Kumpulan Umur dan Status Responden Masyarakat Melayu Patani di Kedah	99
4.26 Pemilihan DMP dalam Mandala Kekeluargaan	100
4.27 Peratus Pemilihan DMP dalam Mandala Kekeluargaan	103
4.28 Pemilihan DMP dalam Mandala Kejiranan	103
4.29 Peratus Pemilihan DMP dalam Mandala Kejiranan	105

4.30	Pemilihan DMP dalam Mandala Kemasyarakatan	105
4.31	Peratus Pemilihan DMP dalam Mandala Kemasyarakatan	107
4.32	Pemilihan DMP dalam Mandala Keagamaan	108
4.33	Peratus Pemilihan DMP dalam Mandala Keagamaan	109
4.34	Pemilihan DMP dalam Mandala Kendiri	110
4.35	Peratus Pemilihan DMP dalam Mandala Kendiri	114
4.36	Pemilihan DMP dalam Mandala Pendidikan	115
4.37	Peratus Pemilihan DMP dalam Mandala Pendidikan	117
4.38	Pemilihan DMP dalam Mandala Jual Beli	118
4.39	Peratus Pemilihan DMP dalam Mandala Jual Beli	119
4.40	Pemilihan DMP dalam Mandala Rasmi	119
4.41	Peratus Pemilihan DMP dalam Mandala Rasmi	121
4.42	Kumpulan Umur dan Status Responden Masyarakat Melayu Patani di Perak	121
4.43	Pemilihan DMP dalam Mandala Kekeluargaan	122
4.44	Peratus Pemilihan DMP dalam Mandala Kekeluargaan	124
4.45	Pemilihan DMP dalam Mandala Kejiranan	125
4.46	Peratus Pemilihan DMP dalam Mandala Kejiranan	126
4.47	Pemilihan DMP dalam Mandala Kemasyarakatan	127
4.48	Peratus Pemilihan DMP dalam Mandala Kemasyarakatan	128
4.49	Pemilihan DMP dalam Mandala Keagamaan	129
4.50	Peratus Pemilihan DMP dalam Mandala Keagamaan	130
4.51	Pemilihan DMP dalam Mandala Kendiri	131
4.52	Peratus Pemilihan DMP dalam Mandala Kendiri	134
4.53	Pemilihan DMP dalam Mandala Pendidikan	135
4.54	Peratus Pemilihan DMP dalam Mandala Pendidikan	137
4.55	Pemilihan DMP dalam Mandala Jual Beli	138
4.56	Peratus Pemilihan DMP dalam Mandala Jual Beli	139
4.57	Pemilihan DMP dalam Mandala Rasmi	139
4.58	Peratus Pemilihan DMP dalam Mandala Rasmi	141
4.59	Profil responden masyarakat Melayu Patani di Sik, Kedah	142
4.60	Taburan responden yang berkahwin campur di Chepir Sik Kedah	145
4.61	Taburan Keturunan Ibu Bapa Responden Chepir Sik Kedah	146
4.62	Taburan Kumpulan Umur Responden Chepir Sik Kedah	148
4.63	Taburan Tempat Lahir Responden	149
4.64	Taburan Tempat Tinggal Responden	151
4.65	Taburan Taraf Pendidikan	152
4.66	Taburan Pekerjaan Responden	153
4.67	Tahap Kebolehan Berbahasa Responden	155
4.68	Profil Responden Masyarakat Melayu Patani di Pengkalan Hulu	156
4.69	Taburan responden yang berkahwin campur di Pengkalan Hulu	158
4.70	Taburan Keturunan Ibu Bapa Responden Pengkalan Hulu	159
4.71	Taburan Kumpulan Umur Responden Pengkalan Hulu	160
4.72	Taburan Tempat Lahir Responden	162
4.73	Taburan Tempat Tinggal Responden	163
4.74	Taburan Taraf Pendidikan	164
4.75	Taburan Pekerjaan Responden	166
4.76	Tahap Kebolehan Berbahasa Responden	168
5.0	Pengelasan Bahasa Berdasarkan Tingkat Kekerabatan	172

SENARAI GRAF

Graf		Halaman
1.0	Kepupusan bahasa berdasarkan benua di Dunia	6
5.0	Rumusan Sikap dan Pemilihan Bahasa dalam Pelbagai Mandala	174



SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
3.0	Struktur Fonologi , Teori Struktural Ferdinand de Saussure (1916)	49
3.1	Kerangka Konseptual	58



SENARAI CARTA

Carta		Halaman
1.1	Formusa Melayu – Polinesia	10
4.0	Vokal Sistem Kardinal DMP di Sik	70
4.1	Kedudukan diftong	72
4.2	Vokal Sistem Kardinal DMP di Pengkalan Hulu	85



SENARAI SINGKATAN

MPK	1	Melayu Patani Kedah (kelompok umur 6-19 tahun)
MPK	2	Melayu Patani Kedah (kelompok umur 20-39 tahun)
MPK	3	Melayu Patani Kedah (kelompok umur 40-69 tahun)
MPK	4	Melayu Patani Kedah(kelompok umur 70 tahun ke atas)
MPP	1	Melayu Patani Perak (kelompok umur 6-19 tahun)
MPP	2	Melayu Patani Perak (kelompok umur 20-39 tahun)
MPP	3	Melayu Patani Perak (kelompok umur 40-69 tahun)
MPP	4	Melayu Patani Perak (kelompok umur 70 tahun ke atas)
DMP		Dialek Melayu Patani
DK		Dialek Kedah
BM		Bahasa Melayu
DT		Dialek Thai
DS		Dialek Sarawak
BB		Bahasa Burma
BI		Bahasa Inggeris
BT		Bahasa Thai
BC		Bahasa Cina
BA		Bahasa Arab
SR		Sekolah Rendah
SM		Sekolah Menengah
TB		Tidak bersekolah



© COPYRIGHT UPM

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bahasa merupakan nadi utama bagi setiap kaum dalam sesebuah masyarakat atau bangsa. Bahasa menjadi lambang penyatuan dalam rangka menyatukan setiap daripada kaum atau etnik dalam sesebuah negara. Hal ini seiring dengan kenyataan dari Nik Safiah Karim (2004) yang menyatakan bahasa berfungsi sebagai lambang identiti masyarakat. Konsep keetnikan sesebuah masyarakat dipertahankan melalui bahasanya dan ciri-ciri yang berkaitan seperti agama dan sistem tulisannya. Keraf (1993) pula berpendapat bahawa bahasa boleh menjadi medium integrasi antara masyarakat daripada pelbagai etnik dan menjadi alat kawalan sosial dalam sesebuah masyarakat atau bangsa.

Secara realitinya, bahasa mampu bertahan jika ada peggunganya. Bahasa tidak akan mati jika pegguna masih menggunakannya dan bahasa tidak akan wujud semula jika peggunganya sudah tiada. Isu tentang kematian bahasa perlu dititikberatkan terutama dalam pengkajian sarjana bahasa agar tidak mengganggu gugat kelestarian tamadun sesebuah bangsa. Simon dan Charles (2017), kematian sesuatu bahasa boleh berlaku kerana kurangnya penutur yang menuturkannya. Hal ini dibuktikan dengan melihatperatus kepupusan bahasa di lima benua utama di dunia yang tercatat dalam Ethnologue (2017). Benua Amerika merupakan benua yang paling banyak pupus iaitu sebanyak 341 bahasa, diikuti pula benua Pasifik sebanyak 204 bahasa, benua Asia dengan sejumlah 191 bahasa, seterusnya benua Afrika sebanyak 134 bahasa dan yang terakhir adalah benua Eropah dengan jumlah 50 bahasa. Crystal (2000) pula menjangkakan bahasa akan mati setiap dua minggu disebabkan kematian penutur terakhirnya. Ismail Salleh (2012) berpendapat bahawa bahasa akan mengalami kepupusan dan mati dengan sendirinya apabila penutur asli bahasa berkenaan sudah tidak wujud lagi. Situasi ini memberi kesedaran jika tidak dilestari sesuatu bahasa maka akan berlaku kematian dan seterusnya bangsa juga turut akan terkesan.

Azman Ismail (2012) menyifatkan bahasa sebagai alat berfikir serta mampu untuk menjana, mengungkap dan menyampaikan semua maklumat dalam semua disiplin ilmu yang berkembang dalam masyarakat penuturnya. *Webster's Collegiate Dictionary Eleventh Edition* (2013) mendefinisikan bahasa sebagai

“a systematic means of communicating ideas or feeling by use of conventionalized signs, sounds, gestures, or marks having understood meanings”

Definisi bahasa oleh *Webster's Collegiate Dictionary* dalam kata lain bermaksud suatu komunikasi bersistematik yang digambarkan dengan menghasilkan simbol, bunyi, isyarat pergerakan atau ciri-ciri yang mempunyai makna yang difahami. Ringkasnya, bahasa saling berkait dengan identiti penuturnya sebagai makhluk sosial dan makhluk budaya sehingga membolehkan bahasa menjadi elemen yang terpenting dalam pembentukan peradaban manusia.

Di Malaysia, terdapat pelbagai ragam bahasa yang saling berkait dengan pembahagian geografi atau kawasan daerah. Semakin besar jumlah penutur, semakin luas daerah penyebaran bahasanya dan seterusnya semakin banyak perbezaan yang wujud. Bahasa mempunyai terlalu banyak variasi yang digunakan di sesebuah daerah, berbeza dengan bahasa baku yang menjadi bahasa rasmi dan dialek pula digunakan dalam situasi yang tidak rasmi. Menurut Solihin Abu Hassan (2011) dialek ditentukan oleh faktor geografi dan faktor sosial, dan jika dilihat dari sudut isoglas atau garisan sempadan linguistik, penutur dialek daerah dapat dikelompokkan dalam satu kawasan geografi linguistik tertentu. Dialek Melayu di Semenanjung berbeza-beza, antara negeri dengan negeri, antara kawasan dengan kawasan dan juga berbeza dengan dialek di Sabah dan Sarawak. Dialek ini turut menunjukkan perbezaan yang melibatkan aspek kosa kata, semantik dan cara penyebutan.

Antara dialek yang digunakan dalam masyarakat ialah dialek Johor Riau, dialek Kelantan, dialek Terengganu, dialek Utara (Kedah dan Perlis), dan dialek Melayu Patani (seterusnya DMP). Di antara semua dialek tersebut, DMP merupakan dialek minoriti yang mempunyai penutur yang paling sedikit berbanding dialek-dialek lain di Malaysia. Dialek Melayu Patani merujuk kepada subdialek bahasa Melayu yang tergolong dalam kumpulan Timur Laut dialek Melayu iaitu sekumpulan dengan dialek Kelantan dan DMP menjadi bahasa utama di wilayah Patani, Yala, Narathiwat, dan sebahagian wilayah Songkhla dengan jumlah penutur seramai 80-85% (Ruslan Uthai 2011).

Dalam masyarakat majmuk, persaingan terhadap bahasa sentiasa berlaku dan ini merupakan perkara normal dalam sesebuah hubungan sosial. Hal ini turut ditegaskan oleh Weinrich (1986) dan Giglioli (1990) yang menyatakan bahawa persaingan antara bahasa peribumi, bahasa kebangsaan, dan bahasa asing boleh membawa kepunahan terhadap bahasa.

Jika dilihat dalam konteks Malaysia, bahasa yang selalu terdedah kepada kepupusan adalah bahasa minoriti. Sebagai contoh, bahasa minoriti yang semakin terancam termasuklah bahasa Orang Asli di Semenanjung Tanah Melayu. Menurut Mohd Sharifuddin Yusop (2007) bilangan penutur bahasa Kanaq di Johor ialah 83 orang sahaja. Jika bahasanya tidak dilestarikan, maka bahasa itu akan terkubur bergitu sahaja suatu hari nanti. Ancaman terhadap bahasa sering kali memberikan kesan terhadap kaum minoriti ini. Keadaan yang sama juga akan berlaku kepada bahasa minoriti yang lain jika tidak dititikberatkan dari segi kelestarian bahasanya.

Ancaman terhadap bahasa akan berakhir dengan kepupusan jika tidak ditangani segera. Kepupusan bahasa atau dialek ini bukan sahaja dapat memusnahkan budaya tetapi segala bentuk ilmu terutama bentuk bahasanya dalam sesebuah masyarakat penutur. Situasi ini amat ditakuti sekiranya berlaku dan melanda bahasa atau dialek minoriti kerana ianya merupakan salah satu khazanah warisan di Malaysia. Keadaan ini juga berlaku kepada masyarakat Melayu Patani menurut Ruslan Uthai (2011) yang menyatakan DMP mengalami perubahan kerana berlakunya pengaruh dari bahasa luar akibat pertembungan bahasa dalam masyarakat yang pelbagai.

Kajian yang melibatkan masyarakat multibahasa ini juga akan meneliti hubungan antara bahasa dan budaya. Zainal Abiddin Masleh (2011) menyatakan kajian antropologi linguistik yang dikenali juga sebagai etnolinguistik meneliti bahasa bukan hanya dari strukturnya sahaja tetapi lebih kepada fungsi dan penggunaannya dalam konteks situasi sosial budaya. Dapatlah disimpulkan bahasa kajian etnolinguistik ini signifikan untuk mendapatkan struktur dan hubungan kekeluargaan serta masyarakat dengan budaya atau meneliti penggunaan bahasa semasa berkomunikasi dalam pelbagai mandala yang akan digunakan bagi mengetahui konsep budayanya.

1.2 Penyataan Masalah

Di Malaysia, masyarakat minoriti Melayu Patani hidup di garis sempadan antara Malaysia dan Thailand. Antara lokasi kependudukan yang padat ialah di bahagian utara Perlis manakala di Kedah adalah di sekitar Sik, Baling, Padang Terap dan di Perak pula ialah di bahagian Pengkalan Hulu, Grik dan Lenggong. Walaupun masyarakat Melayu Patani adalah masyarakat minoriti di Malaysia, mereka sebenarnya tergolong dalam salah satu aset berharga di samping dialek yang digunakan juga adalah khazanah negara yang patut dipertahankan. Kajian yang dilakukan ini merupakan kajian lanjutan melibatkan masyarakat Melayu Patani di Malaysia. Permasalahan yang dicetuskan ini merupakan rentetan daripada kajian awal oleh Ruslan Uthai (1999) yang mengkaji tentang etimologi Bahasa Melayu Patani. Dalam kajian tersebut, Ruslan Uthai mengenal pasti pengaruh bahasa luar yang memberi kesan kepada bahasa Melayu Patani dan memfokuskan kepada masyarakat Melayu Patani yang tinggal di Thailand. Daripada kajian Ruslan Uthai pada tahun 1999 ini, maka kajian ini dilihat sebagai kajian lanjutan yang penting untuk dijalankan namun agak berbeza kerana terarah hanya pada DMP di Malaysia sahaja. Di sebalik keistimewaan DMP, masih kurang penyelidik yang menjalankan penyelidikan berkaitan masyarakat minoriti ini. Kebanyakan kajian adalah dari penyelidik luar yang membuat kajian berkaitan masyarakat ini, namun hanya segelintir sahaja penyelidik tempatan yang berminat menjadikan DMP sebagai bahan kajian iaitu antaranya Ajid Che Kob (2008), Siti Munirah Kasim (2014), Mohammad Fadzeli Jaafar, Norsimal Mat Awal, Mohammad Azlan Mis dan Hayati Lateh (2015), dan Nor Hashimah Jalaluddin (2015). Jadi, usaha melestari perlu dijalankan bagi mengelakkan DMP lenyap. Selain itu, lokasi kajian yang dilakukan juga belum lagi dirungkai dan dikaji secara mendalam. Menjadi pertanggungjawaban pengkaji untuk merungkaikan permasalahan yang berlaku


kerana bimbang pupusnya bahasa minoriti yang menjadi salah satu khazanah dialek di Semenanjung Malaysia. Dalam kajian Ruslan Uthai (1999) juga, perbandingan telah dibuat bagi mengetahui pengaruh bahasa yang paling banyak mempengaruhi DMP di Thailand dari segi fonologi, semantik, dan perubahan bunyinya. Bertitik tolak dari kajian tersebut, maka kajian ini tertumpu kepada dua aspek sahaja iaitu aspek fonologi dan leksikal bagi mengetahui pengaruh bahasa yang mempengaruhi DMP di Perak dan Kedah. Selain itu, Asmah Omar (2015) juga berpendapat bahawa untuk menjalankan kajian perbandingan dialek, aspek fonologi merupakan aspek yang paling tinggi kadar perbezaannya diikuti pula dengan perbendaharaan kata, seterusnya morfologi dan yang paling rendah kadar perbezaannya adalah sintaksis. Jadi, pemilihan aspek fonologi adalah paling baik apabila mengkaji dialek berbanding aspek lain dalam memperlihatkan perbezaan dari segi leksikon dan makna kata. Berdasarkan kajian-kajian di atas, dapat dikatakan bahawa kajian berkaitan fonologi dan leksikal penting untuk mengetahui perubahan dalam dialek yang mereka tuturkan akibat terdedah dengan dunia luar. Di samping itu, faktor kekerabatan antara dua dialek di bahagian semenanjung Malaysia dan Thailand dapat dikenal pasti memandangkan kedua-dua lokasi yang dipilih berjarak jauh tetapi mempunyai persamaan yang sama iaitu lokasinya bersempadan dengan negara Thailand. Kognat bahasa yang dikenal pasti penting untuk mengelakkan berlakunya kekeliruan identiti dalam masyarakat Melayu Patani. Di samping itu, pengkajian ini penting khusus terhadap masyarakat Melayu Patani di Kedah dan Perak kerana mereka menghadapi kekeliruan identiti kerana tidak mahu dikenali sebagai 'Melayu Patani'. Mereka tegasnya menganggap bahawa mereka adalah Melayu asli dan dialek yang digunakan pula digelar sebagai bahasa Ulu. Namun, setelah data dikutip dan dianalisis didapati dialek yang dituturkan oleh masyarakat Melayu Patani ini menunjukkan persamaan dengan dialek yang dituturkan oleh masyarakat Melayu Patani yang tinggal di selatan Thailand iaitu daerah Muang, Wilayah Yala dan di daerah Betong, Wilayah Patani. Jadi, pentingnya kosa kata Melayu Patani ini dikutip dan didokumentasikan supaya anak-anak cucu masyarakat Melayu Patani ini mengetahui akan asal usul mereka kelak. Ajid Che Kob (2008) menyentuh tentang isu keakraban kekerabatan atau salasilah dialek-dialek yang diturunkan oleh sesuatu bahasa merujuk DMP, dialek Kelantan, dan dialek Terengganu. Kajian perbandingan yang dilakukan mengambil salasilah dialek negeri di bahagian Pantai Timur Malaysia untuk dibandingkan dengan DMP di bahagian Thailand. Susulan dari kajian tersebut maka kajian ini terhasil namun menyasarkan hanya di bahagian utara semenanjung iaitu di Perak dan Kedah dengan mengambil golongan kata asal DMP di Thailand yang dikutip oleh Ruslan Uthai (1999). Oleh itu, pengkaji akan menganalisis DMP berdasarkan fonologi dan leksikal di kedua-dua lokasi kajian iaitu di Kedah dan Perak.

Kajian rintis hasil dapatan informan yang dijalankan di kedua-dua lokasi kajian mendapati fenomena silang budaya dalam masyarakat Melayu Patani sangat membimbangkan dan hal ini telah mengganggu bahasa atau dialek asal masyarakat ini. Gangguan terhadap dialek bahasa ibunda yang menjadi alat pertuturan ini memberikan impak negatif terutamanya kepada kumpulan kanak-kanak dan golongan remaja khususnya. Jadi, amat penting untuk mengekalkan bahasa ibunda supaya dapat membezakan masyarakat Melayu Patani dengan sesuatu bangsa, kaum, dan etnik yang lain. Golongan masyarakat ini sedang mengalami perubahan

dari segi penguasaan DMP akibat daripada percampuran bahasa, pengalihan bahasa, meminjaman bahasa, dan gangguan bahasa. Fenomena silang budaya ini terjadi disebabkan oleh penghijrahan yang berlaku dari wilayah Selatan Thai ke utara semenanjung Malaysia dan sebaliknya. Kesan daripada percampuran bahasa, pengalihan bahasa, meminjaman bahasa, gangguan bahasa yang berlaku melalui perkahwinan campur dan penghijrahan boleh menyebabkan berlakunya keterancaman bahasa Melayu Patani dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat misalnya dalam kekeluargaan, keagamaan, kejiwaan dan lain-lain. Perubahan terhadap dialek atau bahasa ibunda berlaku jika penutur natif sesuatu masyarakat berhijrah ke tempat lain atas sebab-sebab tertentu misalnya, perkahwinan campur, pergolakan politik, berlaku bencana alam di negara asal mereka dan lain-lain. Kenyataan ini turut diperkatakan oleh Abdul Rashid Daing Melebek dan Amat Juhari Moain (2012) yang berpendapat bahawa dialek boleh berlaku perubahan disebabkan empat faktor iaitu dialek yang terpisah dari segi keadaan muka bumi, terpisah dari segi zaman, pengaruh luar yang berlainan, dan pengalaman yang berlainan sebagai contoh di pantai timur ada musim tengkujuh sedangkan di pantai barat tiada. Hal ini demikian terjadi kepada masyarakat Melayu Patani yang menggunakan DMP sebagai bahasa pertuturan mereka sehari-harian. Menurut Noriah Mohamed (2016), persekitaran mempengaruhi bahasa dan bahasa mempengaruhi tanggapan sikap penuturnya terhadap persekitaran, maka kemusnahan ekologi sama ada linguistik atau bukan linguistik merupakan bencana yang membawa kemusnahan kepada sistem linguistik itu sendiri. Hal ini berkait rapat dengan sikap penutur bahasa. Jika keadaan ini berlarutan, maka tidak mustahil DMP akan lenyap pada masa akan datang. Hal ini berlaku akibat perbezaan latar belakang bahasa yang menyebabkan ada di antara bahasa yang menjadi pilihan utama dan ada yang disisihkan. Oleh yang demikian, pengkaji akan menilai sikap masyarakat Melayu Patani di Kedah dan Perak terhadap pemilihan dialek Melayu Patani berdasarkan mandala-mandala tertentu.

Selain itu, sesuatu bahasa atau dialek yang menjadi ancaman akibat hilangnya penutur natif juga boleh mati dan pupus. Hal ini terbukti dengan melihat sejarah bahasa asli dan peribumi di dunia telah hilang dan sedang mengalami kepupusan akibat penutur natif yang tidak mengamalkannya. Khairunesa Isa (2014) memberikan contoh tiga bahasa yang sudah pupus kerana tidak mempunyai penutur asli iaitu bahasa Latin yang berasal dari Latium, daerah di Itali, bahasa Sumeria di daerah yang kini dikenali sebagai Iraq, dan bahasa Galia yang dahulunya pernah dituturkan di daerah yang di kenali sebagai Perancis. Empat bahasa lain yang juga pupus dek kerana tidak mempunyai penutur natif walaupun bahasa tersebut digunakan dalam upacara keagamaan iaitu bahasa Sanskrit, bahasa Aram, bahasa Slavonia Klasik, dan bahasa Koptik. Crystal (2000) menjangkakan bahawa setiap dua minggu, terdapat satu bahasa yang akan mati akibat dari kematian penutur terakhir bahasa tersebut. Jika hal ini berlaku kepada penutur natif masyarakat Melayu Patani, tidak mustahil bahasa minoriti ini lama kelamaan akan hilang dan mati juga seperti bahasa-bahasa terdahulu. Berdasarkan Carolyn Hong (2017) dianggarkan bahawa hampir 80% daripada 136 bahasa pertuturan di Malaysia sedang diancam kepupusan sedikit demi sedikit dan sedang di selamatkan. Bahasa dan dialek yang berisiko untuk pupus adalah Cristang atau Portugis Melaka, Creole, Lun Dayeh salah satu kumpulan etnik Sabah, dan

Hokkien di Pulau Pinang yang berasal dari Fujian China yang mempunyai sedikit perbezaan dengan Hokkien di selatan Malaysia dan Singapura. Lima bahasa lain yang sudah pupus yang dipunyai oleh etnik Sarawak adalah bahasa Sitieng, bahasa Seru, bahasa Kelejo, bahasa Um Apun, dan bahasa Beliu. Tidak ketinggalan juga dengan bahasa Orang Asli yang menjadi sebahagian dari Malaysia juga turut mengalami ancaman kepupusan akibat penutur yang tinggal beberapa puluh orang sahaja seperti bahasa Kanaq yang dikaji oleh Mohd Sharifudin Yusop (2013). Crystal dalam Azizah Md Hussin (2002) menyatakan faktor yang menyebabkan kematian dan kepupusan bahasa adalah berlakunya bencana alam, masalah kebuluran yang berkait dengan masalah ekonomi, penyakit berjangkit yang membawa kematian, peperangan dan persengketaan sesama kaum atau masyarakat, perpindahan dan pencerobohan kawasan etnik asli dan sebagainya. Hal kematian bahasa mahupun dialek ini perlu diberi perhatian supaya budaya sesuatu masyarakat atau kaum tidak juga turut mati. Namun, apa yang paling penting adalah sikap penutur natif sesuatu bahasa itu sendiri sama ada mereka kuat dan positif mempertahankan dialek mereka dan menanam sifat keterbukaan dalam mempelajari bahasa lain tetapi tetap memperjuangkan dialek mereka sendiri. Sementara itu, Simon dan Charles (2017), menyatakan bahawa dua dimensi yang membahayakan bahasa adalah golongan pengguna yang dikenal pasti menggunakan bahasa-bahasa tertentu dan yang keduanya adalah penggunaan dan fungsi bahasa itu digunakan. Bahasa boleh mati disebabkan semakin kurang penutur yang menuturkannya walaupun mengakui sesuatu bahasa itu adalah milik mereka namun tidak pula mereka menggunakan bahasa tersebut dengan anak-anak mereka. Di samping itu, bahasa juga boleh membawa kematian jika bahasa tidak dituturkan dalam setiap aktiviti harian yang dilakukan dan seterusnya bahasa tersebut boleh hilang sifat-sifat bahasa yang saling berhubung dengan kumpulan bahasa dan fungsi komunikatif tertentu. Hal ini boleh menyebabkan sesuatu bahasa sedikit demi sedikit dan akhirnya mati dan hilang begitu sahaja. Graf 1.0 menunjukkan peratusan kepupusan bahasa berdasarkan Simon dan Charles (2017) yang mewakili 920 bahasa yang dibimbangi pupus dan mati. Benua Amerika menunjukkan jumlah bahasa yang paling tinggi pupus iaitu sebanyak 341 bahasa, diikuti Pasifik sebanyak 204 bahasa, benua Asia berjumlah 191 bahasa, seterusnya benua Afrika sebanyak 134 bahasa dan yang yang paling rendah kadar kepupusan bahasa adalah benua Eropah sebanyak 50 bahasa.



Graf 1.0 : Peratus Kepupusan Bahasa Berdasarkan Benua di Dunia

Berdasarkan pemerhatian daripada sarjana terdahulu, didapati kadar kepupusan bahasa di dunia setiap tahun semakin meningkat dari tahun ke tahun dan ini membuktikan bahawa perkara ini menjadi sangat serius untuk dikaji kerana bahasa mempunyai hubungan yang erat dengan budaya tamadun setiap bangsa. Jika sesuatu bangsa lenyap maka budaya dan bahasa juga akan turut mati bersama. Oleh itu, pengkaji akan menghuraikan tipologi keterancaman dialek Melayu Patani di Kedah dan Perak, seterusnya mengetahui tahap keterancaman DMP di dua lokasi kajian tersebut.

1.3 Soalan Kajian

1. Apakah aspek fonologi dan leksikal dialek Melayu Patani di Kedah dan Perak?
2. Sejauh manakah sikap masyarakat Melayu Patani di Kedah dan Perak terhadap pemilihan dialek Melayu Patani berdasarkan mandala-mandala tertentu.
3. Sejauh manakah tipologi keterancaman dialek Melayu Patani di Kedah dan Perak.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian bagi penyelidikan ini adalah ;

1. Menganalisis aspek fonologi dan leksikal dialek Melayu Patani di Kedah dan Perak.
2. Menilai sikap masyarakat Melayu Patani di Kedah dan Perak terhadap pemilihan dialek Melayu Patani berdasarkan mandala-mandala tertentu.
3. Menghuraikan tipologi keterancaman dialek Melayu Patani di Kedah dan Perak.

1.5 Kepentingan Kajian

1.5.1 Kementerian

Kebimbangan terhadap kematian bahasa dialek minoriti seringkali menjadi isu kerana sikap penutur natif sesuatu bahasa itu sendiri yang meminggirkannya selain berlaku pertembungan dengan pelbagai bahasa dan dialek lain yang mempunyai keupayaan lebih kukuh dari segi keperluan ekonomi, politik, sosial, dan tuntutan kehidupan. Pihak kerajaan khususnya kementerian yang berkaitan perlu melakukan sesuatu agar bahasa atau dialek minoriti tidak lenyap misalnya dengan menganjurkan karnival tentang kebudayaan mereka. Kajian ini mampu menyumbang kepada kelestarian bahasa DMP. Usaha perlu dipergiat dan diperluas dalam melestarikan bahasa-bahasa minoriti ini.

1.5.2 Kekerabatan Bahasa

Kajian ini penting untuk melihat kekerabatan dengan kosa kata masyarakat Melayu Patani yang tinggal di selatan Thai iaitu daerah Muang, Wilayah Pattani, Thailand dan daerah Betong, Wilayah Yala di Thailand dengan kosa kata masyarakat Melayu Patani Malaysia iaitu di daerah Pengkalan Hulu, Perak dan daerah Sik, di Kedah. Dalam masa yang sama, pengkaji dapat mengetahui setiap kosa kata yang terkumpul mempunyai kognat bahasa dengan bahasa Melayu sendiri mahupun dialek-dialek yang lain umpamanya dialek Kelantan, Terengganu dan sebagainya.

1.5.3 Kemasyarakatan

Selain itu, pentingnya kajian ini untuk memberi kesedaran kepada masyarakat luar berkaitan bahasa minoriti yang terdapat di Malaysia. Bagi mengisi ruang kepelbagaian bahasa yang terdapat di negara kita, para sarjana bahasa sewajarnya mempertimbangkan hasil kajian dari bahasa minoriti bagi memperkayakan lagi bahasa yang sedia ada di Malaysia. Hasil daripada penelitian tersebut diharapkan dapat membantu pihak berautoriti dan para sarjana dalam meneliti bahasa-bahasa minoriti seperti ini agar terus terpelihara di masa akan datang dan tidak hilang begitu sahaja. Kajian bahasa minoriti amat berguna bukan sahaja kepada ahli linguistik, ahli akademik dan golongan pelajar tetapi boleh dimanfaatkan oleh para penterjemah. Hasil kajian kelak dapat dijadikan mekanisme untuk mengumpul khazanah dan data leksikal DMP yang mungkin satu hari nanti akan mengalami kepupusan akibat dari arus pemodenan yang pesat.

Di samping itu, kajian ini signifikan terutamanya kepada generasi muda masyarakat Melayu Patani mengetahui akan asal usul mereka yang mempunyai perkaitan dengan Melayu Patani di Thailand berdasarkan kekerabatan kosa kata. Kajian ini penting untuk membuktikan dan memberi maklumat baharu kepada mereka bahawa dialek yang digunakan bukanlah dialek Ulu dan dialek Kuak Ulu tetapi adalah DMP yang telah terasimilasi zaman berzaman dan kemudian menjadi seperti bahasa yang dituturkan sekarang.

1.5.4 Pendokumentasian Kosa Kata

Selain itu, dapatan kajian sebanyak 399 kosa kata termasuk kata asal Swadesh (Moris,1950) penting dalam proses pendokumentasian bahasa yang merupakan khazanah warisan bangsa yang begitu tinggi nilainya terhadap masyarakat minoriti khususnya agar terus terpelihara. Pendokumentasian bahasa atau dialek ini membantu masyarakat luar mahupun masyarakat Melayu Patani mengenali dialek ini dengan lebih terperinci. Proses ini sangat signifikan dalam penyelidikan lapangan terutamanya yang melibatkan bahasa-bahasa minoriti yang terdapat di Malaysia ini.

1.6 Batasan Kajian

Berdasarkan kajian yang dijalankan, pengkaji memilih dua buah kampung sebagai lokasi kajian di daerah Pengkalan Hulu, Perak iaitu di Kampung Kuak Hulu dan di daerah Sik, Kedah iaitu Kampung Chepir. Dua buah negeri sahaja dipilih kerana lokasinya masih belum dikaji oleh mana-mana sarjana secara mendalam terutama melibatkan dialek yang dituturkan dan fokus utama pengkaji adalah mendapatkan kampung yang bersempadan dengan Thailand. Kajian ini tertumpu pada masyarakat Melayu Patani sahaja. Pengkaji memilih dialek minoriti iaitu dialek Melayu Patani kerana sangat kurang kajian penyelidikan berkaitan masyarakat dan dialek yang dituturkan. Sehingga kini dan sepanjang yang diketahui, kajian-kajian berkaitan dialek Melayu Patani telah diusahakan oleh Ajid Che Kob (2008) dan Mohammad Fadzeli Jaafar, Norsimah Mat Awal, Mohammad Azlan Mis dan Hayati Lateh (2015) melibatkan kajian di bahagian pantai timur Malaysia. Secara khusus, hanya satu kajian menyentuh masyarakat Melayu Patani di daerah Hulu, Perak yang dijalankan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2015), mengkaji tentang penyebaran DMP menggunakan aplikasi perisian *Geographical Information System (GIS)* bagi menjelaskan hubungan geografi dengan linguistik. Hal ini memperlihatkan bahawa ia tidak sama dengan fokus kajian yang dilakukan pengkaji. Pada masa yang sama, pengkaji mendapati masyarakat Melayu Patani di kedua-dua lokasi kajian menghadapi kekeliruan identiti kerana menganggap dialek yang dituturkan itu bukan merupakan DMP yang dituturkan oleh penutur Melayu Patani di Thailand.

Responden kajian adalah seramai 300 orang responden bagi kedua-dua buah kampung iaitu 150 orang responden di Kuak Hulu dan 150 orang responden di Chepir. Jumlah responden bagi setiap lokasi kajian dipilih sama rata untuk dibuat perbandingan dan oleh kerana populasi bagi setiap lokasi kajian adalah besar, maka saiz sampel sebanyak 150 orang adalah bersesuaian mewakili populasi. Sebanyak 8 mandala dipilih untuk dikaji dengan melihat sikap masyarakat Melayu Patani di kedua-dua kampung terhadap pemilihan bahasa atau dialek yang digunakan. Mandala tersebut terdiri daripada mandala kekeluargaan, mandala kejiranan, mandala kemasyarakatan, mandala keagamaan, mandala sendiri, mandala pendidikan, mandala rasmi dan mandala jual beli. Mandala-mandala tersebut dipilih berdasarkan kajian rintis awal yang dijalankan di kedua-dua lokasi kajian dan pemilihan mandala adalah dekat dan berkait dengan masyarakat Melayu Patani.

Selain itu, pengkaji menggunakan dua jenis kosa kata senarai asal yang telah didokumentasikan oleh seorang sarjana bahasa iaitu Ruslan Uthai (2011). Senarai kosa kata yang dipilih adalah dari daerah Betong, Wilayah Yala Thailand dan kosa kata dari daerah Muang, Wilayah Pattani, Thailand. Dua senarai kata dari dua bahagian ini dipilih kerana jaraknya yang dekat bersempadanan dengan Malaysia. Pengkaji menggunakan dua senarai kosa kata tersebut untuk menunjukkan adanya persamaan dengan DMP yang digunakan oleh masyarakat Melayu Patani di Pengkalan Hulu dan Chepir.

Senarai kata adalah sebanyak 399 perkataan termasuk kata asal Swadesh (Moris,1950) mengikut senarai kata asal yang digunakan oleh Ruslan Uthai (2011) dalam kajiannya yang lepas. Pengkaji seterusnya membahagikan senarai kata tersebut kepada 10 bahagian iaitu bahagian anggota badan, cuaca dan alam, fauna/haiwan, peralatan rumah dan pakaian, panggilan dan pertanyaan, flora dan makanan, perlakuan dan perasaan, sifat, bilangan dan tunjuk arah, , dan kata nama dan adverba.


1.7 Definisi Operasional

Definisi operasional merupakan garis panduan dalam melakukan penyelidikan bagi memudahkan pengkaji mendefinisikan sesuatu perkara dengan tepat dan jelas berkaitan setiap aspek yang dikaji, idea, prosedur lengkap yang mampu menepati kehendak kajian. Bagi mengelakkan daripada tersasar daripada fokus utama kajian, istilah dan konsep yang menjadi pegangan harus diterapkan dan dalam masa yang sama istilah ini dapat mendukung kerangka teori sepanjang kajian ini di jalankan. Antara istilah yang diketengahkan termasuklah dialek Melayu Patani, tipologi keterancaman bahasa, dan etnolinguistik.

1.7.1 Dialek Melayu Patani

Dialek Melayu Patani merupakan bahasa minoriti di negara Thai dan salah satu dialek yang tergolong dalam rumpun bahasa Austonesia. Ruslan Uthai (2011) mendapati DMP dan dialek Melayu Pattani merujuk kepada dialek Melayu yang dituturkan di kawasan wilayah Pattani, Yala, Naratiwat dan sebahagian daripada wilayah Songkla. Tambah beliau lagi jika dilihat daripada ciri dialek tersebut, DMP mempunyai beberapa ciri yang telah mengingkari ciri aslinya sebagai bahasa Austronesia dan ciri-ciri tersebut sangat istimewa iaitu seperti konsonan panjang, konsonan hembusan, vokal sengau, dan kata ekasuku yang berbeza dengan bahasa Melayu Baku.

Asmah Omar (1991) menyatakan DMP tergolong dalam bahasa Melayu kumpulan Timur Laut, sekumpulan dengan dialek Melayu- Kelantan. Lihat carta 1.1 ;



Carta 1.1 : Formosa Melayu- Polinesia

Menurut Maneerat Chotikakamthorn (1981), Lakhana Doomkum (1984), dan Daranee Krisnapan (1985), DMP mempunyai hubungan yang erat dengan dialek Melayu Kelantan lebih daripada dialek Melayu Terengganu. Terdapat tiga ciri persamaan yang diuraikan oleh Daranee Krisnapan (1985) yang menunjukkan persamaan antara dialek Melayu Kelantan dan dialek Melayu Terengganu. Ciri-ciri tersebut adalah seperti berikut;

1. Kedua-dua dialek mempunyai tiga konsonan di posisi akhir, /ʔ/, /ŋ/ dan /h/.
2. Rangkaian vokal /a/ yang diikuti dengan konsonan sengau dalam bahasa Melayu Baku bersepadan dengan /ɛ/ dalam DMP dan /ẽ/ dalam dialek Melayu Kelantan. Contohnya, kata bahasa Melayu Baku <makan> bersepadan dengan kata DMP Patani /mak/, dan dialek Melayu Kelantan /mak/.
3. Kedua-dua dialek tidak mempunyai gabungan konsonan yang berhomogenik. Contohnya, /hatu/ yang bersepadan dengan kata bahasa Melayu Baku <hantu> dan sebagainya.

Hal ini turut disokong oleh Frasher (1962) yang menyatakan bahawa DMP mempunyai persamaan dengan dialek yang dituturkan di Kelantan berdasarkan fonologi, morfologi, dan kosa kata (kecuali kata-kata yang dipinjam daripada bahasa Thai). Namun begitu, Farid M. Onn (1981) mempunyai pendapat yang berlainan dengan ahli linguistik bahasa yang lain iaitu dengan menyatakan DMP mempunyai kaitan yang erat dengan dialek Melayu Terengganu berbanding dialek Melayu Kelantan. Beliau berpendapat sedemikian berdasarkan konsonan /ŋ/ yang muncul pada posisi akhir kata yang didahului vokal bukan /a/. Sebagai contoh /pho/ ‘pohon’ dan /kuci/ ‘kucing’ dan sebagainya.

Jika dilihat dari setiap padanan yang mempunyai rangkaian vokal /a/ yang diikuti dengan konsonan sengau dalam bahasa Melayu Baku, DMP, dialek Melayu Kelantan, dan dialek Melayu Terengganu diperhatikan, maka jelas DMP lebih menunjukkan kesamaan dengan dialek Melayu Kelantan daripada dialek Melayu Terengganu. Sebagai contoh, lihat setiap kesepadanan di bawah berdasarkan perkataan ‘makan’, ‘malam’, dan ‘tulang’;

Jadual 1.0 : Kesepadanan Berdasarkan Perkataan ‘Makan’, ‘Malam’, dan ‘Tulang’

Melayu Baku	Dialek Terengganu	Dialek Kelantan	Dialek Melayu Patani
Makan	/makaŋ/	/makẽ/	/make/
Malam	/malaŋ/	/malẽ/	/male/
Tulang	/tulaŋ/	/tulẽ/	/tule/

Berdasarkan pernyataan-pernyataan dari ahli linguistik, dapatlah dirumuskan bahawa dialek Melayu Kelantan mempunyai lebih persamaan dan hubungan erat dengan DMP berbanding dialek Terengganu.

Berikut menunjukkan beberapa pola sistem bunyi dalam DMP yang dihasilkan oleh Wilding (1979), Phaitoon Masmintra Chaiyanara (1983), dan Rattiya Saleh (1986). Sistem bunyi konsonan yang digunakan oleh Wilding adalah seperti dalam Jadual 1.1.

Jadual 1.1 : Fonem Konsonan DMP yang dikemukakan Wilding (1979)

Cara Artikulasi	Daerah Artikulasi					
	Bibir	Gusi	Lelangit Keras	Lelangit Lembut	Glotal	Faringial
Letupan Tidak Bersuara Tidak Berhembus	p	t	c	k	ʔ	ʕ
Letupan Bersuara	b	d	j	g		
Geseran Tidak Bersuara	f	s			h	
Geseran Bersuara		z		ʝ		
Sisian Bersuara		l				
Sengau Bersuara	m	n	ɲ	ŋ		
Getaran Bersuara		r				
Separuh Vokal Bersuara	w		y			

Berdasarkan jadual 1.1 oleh Wilding (1979) di atas menunjukkan konsonan hembusan tidak terdapat dalam proses komunikasi mereka namun terdapat kelainan iaitu mempunyai konsonan /ʕ/. Menurut Ruslan Uthai (2011), hal ini berlaku kerana Wilding (1979) menganalisis sistem bunyi berdasarkan variasi yang dituturkan di kawasan bandar wilayah Pattani sahaja dan fonem /ʕ/ ini tidak dikenalpasti dalam penggunaan penutur DMP dalam semua varian. Assaming Kaseng (2001) menambah kata-kata pinjaman daripada bahasa Arab yang mempunyai bunyi asalnya [ʕ], baik di posisi awal mahupun akhir, digantikan dengan bunyi [ʔ] dalam DMP. Berbeza pula jika dilihat dalam jadual 1.2 oleh Phaitoon Masmintra Chaiyanara (1983) yang menyatakan bunyi konsonan hembusan sebagai fonem dalam DMP. Namun, tidak dijelaskan sama ada sistem bunyi tersebut meliputi semua variasi atau sesetengahnya sahaja.

Jadual 1.2 : Fonem Konsonan DMP yang dikemukakan Phaitoon (1983)

Daerah Artikulasi					
Cara Artikulasi	Bibir	Gusi	Lelangit Keras	Lelangit Lembut	Glotal
Letupan Tidak Bersuara Tidak berhembus	p	t	c	k	ʔ
Letupan Tidak Bersuara Berhembus	ph	th	ch	kh	
Letupan Bersuara	b	d	j	g	
Geseran Tidak Bersuara	f	s			h
Geseran Bersuara		z		y	
Sisian Bersuara		l			
Sengau Bersuara	m	n	ɲ	ŋ	
Separa Sengau	mb	nd	ɲj	ŋg	
Getaran Bersuara		r			
Sepuluh Vokal Bersuara	w		y		

Jadual 1.3 : Fonem Konsonan DMP yang dikemukakan Rattiya (1986)

Daerah Artikulasi					
Cara Artikulasi	Bibir	Gusi	Lelangit Keras	Lelangit Lembut	Glotal
Letupan Tidak Bersuara Tidak Berhembus	p	t	c	k	ʔ
Letupan Bersuara	b	d	j	g	
Geseran Tidak Bersuara	f	s			h
Geseran Bersuara		z		y	
Sisian Bersuara		l			
Sengau Bersuara	m	n	ɲ	ŋ	
Separa Bersuara	mb	nd	ɲj	ŋg	
Getaran Bersuara		r			
Sepuluh Vokal Bersuara	w		y		

Jadual 1.4 : Fonem Konsonan DMP yang dikemukakan Waemaji (1991)

Cara Artikulasi	Daerah Artikulasi				
	Bibir	Gusi	Lelangit Keras	Lelangit Lembut	Glotal
Letupan Tidak Bersuara Tidak berhembus	p	t	c	k	ʔ
Letupan Tidak Bersuara Berhembus	ph	th	ch	kh	
Letupan Bersuara	b	d	j	g	
Geseran Tidak Bersuara	f	s			h
Geseran Bersuara		z		ɣ	
Sisian Bersuara		l			
Sengau Bersuara	m	n	ɲ	ŋ	
Separa Sengau	mb	nd	ɲj	ŋg	
Getaran Bersuara		r			
Separuh Vokal Bersuara	w		y		

Daripada sistem bunyi yang di hujahkan oleh setiap sarjana di atas, menunjukkan adanya persamaan dan perbezaan antara satu sama yang lain dari segi kelainan konsonan semasa menjalankan analisis konsonan DMP. Waemaji (1991) bersependapat dengan Phaitoon Masmintra Chaiyanara (1983) dari segi penggunaan sistem bunyi iaitu memasukkan letupan tidak bersuara berhembus manakala berbeza dengan Rattiya Saleh (1986) dan Wilding (1979) yang tidak memasukkan unsur itu ke dalam sistem bunyinya. Sistem bunyi yang di gunakan oleh Wilding (1979) adalah paling asas dan Rattiya Saleh (1986) menambah satu unsur iaitu separa sengau dalam sistem bunyinya.

1.7.2 Tipologi Keterancaman Bahasa

Dalam kajian linguistik, istilah tipologi sangat dikenali oleh pengkaji-pengkaji bahasa. *KBBI Pusat Bahasa* (2008) mendefinisikan tipologi sebagai ilmu yang mempelajari persamaan sintaksis dan morfologi bahasa-bahasa tanpa mempertimbangkan sejarah bahasa. Mallinson (1981) berpendapat tipologi diklasifikasi sebagai ranah atau taksonomi yang merujuk pengelompokan bahasa berdasarkan sifat dan perilaku struktural bahasa tersebut.

Dalam penyelidikan ini pengkaji juga menggunakan pendekatan etnolinguistik bagi mengkaji dan mengenal pasti tahap kelestarian dan keterancaman bahasa minoriti ini berdasarkan takrifan Grimes (2002), yang menyenaraikan enam tahap keterancaman dan kepupusan bahasa :

- i. Pertama, bahasa yang *critically endangered*, merujuk bahasa yang dalam keadaan kritikal dan nazak. Bahasa ini hanya tinggal sedikit penuturnya dan semuanya berusia 70 tahun ke atas
- ii. Kedua, *severely endangered*, merujuk bahasa yang hanya memiliki penutur berusia 40 tahun dan ke atas. Bahasa seperti dalam situasi sakit parah.
- iii. Ketiga, *endangered*, bermaksud bahasa-bahasa yang penuturnya berusia 20 tahun ke atas. Bahasa seperti ini dalam situasi terancam punah.
- iv. Keempat, *eroding*, iaitu bahasa-bahasa yang penuturnya adalah sebilangan kanak-kanak dan yang lebih tua. Kebanyakan kanak-kanak lain tidak lagi menggunakannya. Bahasa seperti itu termasuk dalam situasi terhakis.
- v. Kelima, *stable but threatened*, bermaksud bahasa yang digunakan oleh semua kanak-kanak dan orang dewasa tetapi jumlahnya sangat sedikit.
- vi. Keenam, *safe*, iaitu bahasa-bahasa yang tidak mengalami ancaman kepunahan. Bahasa yang masih diperoleh dan dipelajari oleh semua kanak-kanak dan usia dewasa dalam kelompok etniknya. Bahasa-bahasa ini dikategorikan sebagai bahasa berkembang.

Berbeza pula dengan Crystal (1990) dan Lauder (2004) yang hanya mempunyai lima tahap kepupusan bahasa sahaja iaitu ;

- i. Berpotensi terancam punah *potentially endangered languages* iaitu bahasa-bahasa yang secara sosial dan ekonomi tergolong dalam bahasa minoriti serta mendapat tekanan yang cukup besar dan dominasi. Generasi mudanya lebih suka berkomunikasi dengan bahasa lain serta meninggalkan bahasa ibundanya.
- ii. Terancam punah *endangered languages* iaitu bahasa-bahasa yang tidak mempunyai lagi generasi muda yang dapat berbahasa ibunda. Penutur yang fasih hanyalah dari kelompok generasi menengah (dewasa).
- iii. Sangat terancam punah *seriously endangered languages* iaitu bahasa yang hanya dituturkan oleh generasi tua berusia 50 tahun ke atas.
- iv. Nazak *moribund languages* iaitu bahasa yang dituturkan oleh beberapa orang tua sekitar 70 tahun ke atas.
- v. Punah *extinct languages* iaitu bahasa yang penuturnya tinggal seorang sehingga tidak ada teman berkomunikasi dalam bahasa itu. Tahap ini merupakan tahap yang sangat kritikal.

Simon dan Charles (2017) menunjukkan terdapat dua dimensi dalam penggunaan bahasa iaitu pengguna dan fungsinya. Selain itu, terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada penilaian tahap keterancaman bahasa iaitu;

- i. Populasi penutur;
- ii. Populasi etnik, golongan yang masih menghubungkan identiti etnik dengan bahasanya walaupun tidak menuturkan bahasa tersebut;
- iii. Kestabilan terhadap kecenderungan dalam saiz populasi;
- iv. Corak kependudukan dan perpindahan penutur;

- v. Penggunaan bahasa kedua;
- vi. Penggunaan bahasa oleh orang luar sebagai bahasa kedua
- vii. Sikap bahasa dalam sesebuah komuniti;
- viii. Anggaran umur penutur;
- ix. Penggunaan bahasa dalam setiap bidang;
- x. Pengenalan rasmi terhadap bahasa dalam lingkungan bangsa dan kawasan;
- xi. Cara penyebaran (sama ada kanak-kanak itu diajar bahasa di rumah atau di ajar di sekolah);
- xii. Faktor bukan linguistik seperti peluang ekonomi.

Faktor-faktor di atas mampu mempengaruhi masyarakat yang dinamik walaupun tidak keseluruhannya ramalan adalah tepat tetapi tetap mengikut corak dan kecenderungannya. Kebanyakan para sarjana bersetuju, walau bagaimanapun, faktor utama dalam mengukur keselamatan sesuatu bahasa agar tidak terancam adalah dengan melihat sejauh mana penyebaran bahasa antara generasi bahasa itu masih utuh.

1.7.3 Etnolinguistik

Dalam Harimurti Kridalaksana (1983), etnolinguistik didefinisikan sebagai cabang linguistik antropologi yang menyelidiki hubungan antara bahasa dan masyarakat pendesaan atau masyarakat yang belum mempunyai tulisan atau cabang linguistik yang menyelidiki hubungan bahasa dan sikap pengguna bahasa.

Zainal Abiddin Masleh (2011) pula menyatakan penggunaan bahasa oleh masyarakat penutur bahasa merujuk kepada sesuatu peristiwa, tindakan, benda serta keadaan dan segala situasi atau peristiwa yang berlaku tidak terlepas direalisasikan oleh bahasa yang mampu mencerminkan fikiran dan pandangan terhadap sesuatu perkara.

Duranti Alessandro (1997) berpendapat bahawa etnolinguistik merupakan kajian bahasa dan budaya yang mempunyai sub bidang utama daripada antropologi.

Etnolinguistics is a part of a conscious attempt at consolidating and redefining the study of language and culture as one of the major sub field of anthropology

Crystal (1987) turut menyatakan hal yang sama tentang etnolinguistik iaitu kajian bahasa yang berkait rapat dengan sikap dan perilaku etnik tertentu terutamanya yang melibatkan interaksi sosial yang menggabungkan dua bidang ilmu iaitu linguistik dan antropologi. Hal ini menunjukkan bahawa kajian etnolinguistik mempunyai perkaitan dengan kehidupan sosial, kebudayaan dan bahasa.

Bahasa dan kebudayaan saling berhubung kerana bahasa harus dipelajari dalam konteks kebudayaan dan kebudayaan pula boleh difahami melalui bahasa. Bahasa merupakan subjek penting dalam meneliti sesuatu kebudayaan dari segi bentuk, fungsi dan makna leksikal yang terdapat dalam kebudayaan tersebut. Oleh itu, kajian yang mempelajari keduanya adalah ilmu antropolinguistik atau etnolinguistik.

Palmer (1996) menggunakan istilah linguistik budaya dalam makalahnya yang mengkaji disiplin ilmu yang muncul sebagai persoalan dari ilmu antropologi yang melibatkan ilmu bahasa dan budaya. Linguistik budaya juga tertumpu kepada bagaimana orang atau masyarakat bertutur dan tentang dunia yang mereka gambarkan. Linguistik budaya saling berkait dengan makna dan erti yang bersifat interpretatif bagi semua konteks yang terlibat iaitu linguistik, sosial dan budaya. Walaupun istilahnya tidak sama, pemahaman dan penghuraian linguistik budaya adalah sama dengan ilmu antropolinguistik.

Menurut Koentjaraningrat (1981) pula, etnolinguistik adalah ilmu yang mempunyai kaitan dengan ilmu antropologi. Objek kajian penelitiannya pula terdiri daripada senarai kata, pelukisan dari ciri-ciri, dan pelukisan dari tatabahasa juga bahasa-bahasa lokal. Di samping itu, Sibarani (2004) turut menyatakan kajian antropologi merupakan pecahan dari linguistik yang mengkaji variasi dan penggunaan bahasa dalam hubungannya dengan perkembangan waktu, perbezaan tempat berkomunikasi, sistem kekerabatan, pengaruh kebiasaan etnik, kepercayaan, etnik bahasa, adat istiadat dan pola-pola kebudayaan lain dari suatu suku bangsa. Kajian penelitian yang dirangkum oleh Sibarani (2004) lebih teliti bagi mengkaji ilmu antropolinguistik atau etnolinguistik ini. Rumusan berdasarkan penelitian di atas dapat disimpulkan bahawa kajian etnolinguistik menyelidiki bahasa setiap kaum atau bangsa dalam suatu kelompok sosial kebudayaannya dalam ranah ilmu antropologi.

1.8 Kesimpulan

Konklusinya, kajian terhadap dialek minoriti seperti masyarakat Melayu Patani di Kampung Chepir, Sik Kedah dan Kampung Kuak Hulu, Perak harus di ambil perhatian memandangkan dialek ini sangat penting untuk dikaji oleh penyelidik-penyelidik bahasa. Dialek Melayu Patani dilihat sebagai dialek yang mampu untuk berdiri sendiri kerana mempunyai masyarakat penutur yang masih teguh menggunakan dialek mereka. Namun, asimilasi terhadap bahasa akan berlaku sedikit demi sedikit kerana pertembungan bahasa atau dialek lain dalam masyarakat minoriti di kedua-dua lokasi kajian.

Hal ini perlu dititikberatkan kerana DMP merupakan salah satu khazanah yang perlu di jaga agar tidak hilang dan lenyap. Kepelbagaian rumpun bahasa atau dialek perlu di gembleng supaya ianya terus kekal dan lestari di masa akan datang

terutamanya dari segi bahasa yang menjadi medium perhubungan terpenting. Dialek yang cukup unik ini sedikit sebanyak menunjukkan Malaysia mempunyai rumpun bahasa yang pelbagai di samping memberi kepelbagaian dalam warisan di Malaysia. Pendekatan etnolinguistik yang digunakan ini merupakan salah satu pilihan yang baik bagi mengaitkan empat kerangka kajian iaitu pelestarian bahasa, tipologi bahasa, linguistik bahasa dan sikap penutur bahasa. Kajian yang bersifat hulu dilihat sebagai salah satu usaha menambah koleksi pengayaan bahasa yang terdapat di Malaysia khususnya dialek minoriti yang seterusnya menyumbang kepada pematapan bahasa Melayu.



BIBLIOGRAFI

- Abdonlah Khreedao. (2008). *Proses Peminjaman Bahasa Thai dalam Dialek Melayu Patani di Chana*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Abdul Rashid Daing Melebek & Amat Juhari Moain. (2012). *Sosiolinguistik dan Bahasa Melayu*. Bangi. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullah (peny). (1999). *Perancangan Bahasa di Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Hadi Kudin & Karim Harun. (2017). "Diglosia" dan "Loyalti" Bahasa dalam Kalangan Masyarakat Orang Asli Semai", dlm. *Jurnal Linguistik*. Vol. 21 (2), 48-59.
- Abdul Hamid Mahmood. (1998). *Menguasai Ejaan Baharu Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Syarikat Percetakan Bintang Baru.
- Abdullah Hassan. (2009). *Tatabahasa Pedagogi Untuk Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdul Hamid Mahmood & Nurfarah Lo Abdullah. (2007). *Linguistik: Fonetik dan Fonologi Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Aslita Sdn. Bhd.
- Abdul Hamid Mahmood. (1998). *Menguasai Ejaan Baharu Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur : Syarikat Percetakan Bintang Baru.
- Abercrombie, D. (1968). Paralanguage. *International Journal of Language and Communication Disorders*. Volume 3, Issue 1, April 1968. Hlm 55-59.
- Ajid Che Kob. (2008) "Subklasifikasi Dialek Melayu Patani-Kelantan-Terengganu : Satu Analisis Kualitatif", dlm. *GEMA Online of Journal of Language Studies*, Vol. 3(8), 1-10.
- Ajid Che Kob. (2007). Dialektologi. dlm. Zulkifley Hamid, Ramli Md. Salleh & Rahim Aman (peny) *Linguistik Melayu* (Ed. Kedua). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm. 127-143.
- Ajid Che Kob. (1998). *Gah Bahasa : Beberapa Persoalan Yang Menghambat Bahasa Melayu dalam Pengajian Melayu Memasuki Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Ajid Che Kob. (1984). *Dialek Geografi Pasir Mas*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ajid Che Kob. (1984). Pengaruh Dialek dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Standard di Kalangan Pelajar. Kertas Kerja Dlm. *Seminar Kesalahan*

Penggunaan Bahasa dalam Bahasa Malaysia. Universiti Sains Malaysia. 3-4 Disember 1982.

Anderson, A. Edmund. (1974). *Language Attitudes, Belief, Values : A Study Linguistic Cognitive Frameworks*. A Desertation of Georgetown University : Washington D.C.

Arbak Othman. (1986). *Permulaan Ilmu Linguistik*. Subang Jaya: Penerbitan Sarjana (M) Sdn. Bhd.

Asmah Omar. (1976). *Kursus Permulaan Bahasa Melayu II*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Asmah Omar. (1976). *The Teaching of Bahasa Melayu in the Context of National Language Planning*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Asmah Omar. (2001). *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Omar. (1981). *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Omar. (1982). *Language and Society in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Omar. (1991). *Bahasa Melayu Abad ke-16 : Satu Analisis berdasarkan 'Aqaid Al-Nasafi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Omar. (1992). *The Linguistic Scenery In Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Omar (Edisi Kedua). (2015). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Omar. (2008). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Assaming Kaseng. (2001). *Arabic Loanwords in Patani Malay*. Bangkok. Chulalongkorn University.

Azman Ismail. (2012). MBMMBI Perkasakan Bahasa Melayu. dlm. *Dewan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.12(3), 16-19.

Bailon, G. Maglaya. (1978). *Family Health Nursing*. Philippines: UP. College of Nursing.

Baker, C. (1992). *Attitudes and Language*. England: Multilingual Matters Ltd.

- Bernard H. R. (2000). *Social Research Methods : Qualitative and Quantitative Approaches*. London: Sage Publications, Inc.
- Boote, D. N., & Beile, P. (2005). Scholars Before Researchers: On the Centrality of the Dissertation Literature Review in Research Preparation. *Educational Researcher*, 34(6), 3-15.
- Bister-Broosen, H. (1997). Communication in the Alemannic Area : Language Use and Attitudes in Colmar and Freiburg. In M. Putz (Ed). *Language Choices: Conditions, Constraints, and Consequences* (pp. 305-326). Amsterdam. Johns Benjamins.
- Brown, H. D. (1980). *Principles of Language and Learning*. Englewood Cliffs. N. J. :Prentice-Hall.
- Chambers, J.K. & Trudgill. (1990). *Dialektologi*. Diterjemah oleh Annuar Ayub. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chomsky, N. & Halle, M. (1968). *The Sound Pattern of English*. Cambridge, Mass: MIT Press.
- Chomsky, N. (1995). *Minimalist Program*. Cambridge: MIT Press.
- Chong Shin. (2017). Fenomena Pertukaran Identiti Melanau : Suatu Hipotesis dan Fakta. *Prosiding Seminar Terjemahan, Bahasa dan Budaya Melayu-China*, 13-14 Mei, Guangzhou.
- Chong Shin, Hendrikus Mangku & Collins, J.T. (2018). “Pemilihan Bahasa Komuniti Penan Muslim di Sarawak”, dlm. *GEMA Online Journal of Language Studies*, Vol. 18(4), 61-80.
- Clyne, M. G. (1991). *Community Language: The Australian Experience*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Collins, J.T. (2016a). *Wibawa Bahasa : Kepiawaian dan Kepelbagaian*. Cetakan Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Crystal, D. (2000). *Language Death*. Great Britain: Cambridge University Press.
- Crystal, D. (2002). “Mengapakah Bahasa Mati”. Diterjemah oleh Azizah Md Hussin, dlm. *Jurnal Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2(3), 309-333.
- Crystal, D. (1990). *Linguistics*. Harmondsworth: Penguin Books.
- Crystal, D. (1987). *The Cambridge Encyclopedia of Language*. Cambridge, England: Cambridge University.

- Dailey, R. M., Giles, H., & Jansma, L. L. (2005). Language Attitudes in an AngloHispanic context: The Role of the linguistic Landscape. *Language and Communication*, 25, 27-38.
- Daraneer Krisnapan. (1985). *The Phonology of Toba Malay*. Tesis Sarjana. Mahidol University. Bangkok.
- De Saussure, Ferdinand . (1916). *Course de Linguistique Generale*. Paris: Payot.
- De Queljoe, D. H. A. (1971). *A Preliminary Study of Some Phonetic Features of Petani with Glossaries*. Center for Southeast Asian Studies: Northern Illinois University.
- Doomkum, Lakhana (1984). *A Syntactical Study Of The Malay Dialect in Toba Village*. Tesis Sarjana. Mahidol University. Bangkok.
- Duranti Alessandro. (1997). *Linguistik Anthropology*. Australia: Cambridge University Press.
- Edwards, J. (1983). Language Attitudes in Multilingual Settings : A General Assessment. *Journal of Multilingual and Multicultural Development*. 4 (2&3), 225-236.
- Ely. M; Anzul, M. Friedman, T.Gardner, D. & Steinmetz, A.M. (1991). *Doing Qualitative Research : Circles Within Circles*. Great Britain: The Falmer Press.
- Emerson, R.M. (1983). Introduction. dlm. R.M. Emerson (Ed). *Contemporary Field Research*. Boston: Little, Brown.1-16.
- Faisal S. H. (2008). Contesting Sarawak Malayness: Glimpse of the Life and Identity of The Malays in Southwest Sarawak. Dlm. I. Zawawi (pnyt). *Representation, Identity and Multiculturalism in Sarawak*. Kuching: Dayak Cultural Foundation & Persatuan Sains Sosial Malaysia.
- Farid M. Onn. (1981). *Aspects of Malay Phonology: A Generative Approach*. Selangor: Penerbit Universiti Malaya.
- Fasold, R. (1984). *The Sociolinguistic of Society*. Oxford: Basil Blackwell.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin & Harishon Radzi. (2011) "Kata Soal Bila dalam Dialek Kedah Melayu Baling: Satu Analisis Sintaksis", dlm. *GEMA Online Journal of Language Studies*, Vol. 11(1), 1-12.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Nurulafiqah Suhaimi. (2011). "Variasi Kata Soal "Mengapa" dalam Dialek Kedah : Satu Analisis Sintaksis", dlm. *Jurnal Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 11(1), 131-153.

- Fazal Mohamed Mohamed Sultan. (2009). "Struktur Sintaksis Frasa Nama Bahasa Bateq", dlm. *GEMA Online Journal of Language Studies*, Vol. 9(1), 47-61.
- Fishman, J.A. (1967). *The Measurement and Description of Language Dominance in Bilinguals*. Final Report Phase 1, June 1, 1967, to Division of Higher Education Research DHEW, Washington.
- Fishman, J.A & L, Greenfield. (1970). "The Sociology of Language : An Interdisciplinary Social Science Approach to Language in Society". dlm. Fishman 1971. (pnyt). *Advance In Sociology of Language*. Paris: The Hague. hlm. 217 – 404.
- Fishman, J.A & L, Greenfield. (1970). Situational Measures of Normative Language Views in Relation to Person, Place and Topic Among Puerto Rican Bilinguals. *Anthropes* 65, 602-618.
- Fishman, J.A. (1972). *The Sociology of Language*. Rowley, Mass : New Bury Mass.
- Garvin, P.L & Mathiot M. (1968). The Urbanization of Guarani Language. Problem in Language and Culture. dlm. Fishman, J.A. (Ed) *Reading in Tes Sociology of Language*. Mouton: Paris-Hauge.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi, & Razilah M. Shah. (2010). "Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran Kemahiran Lisan Bahasa Arab di Universiti Teknologi MARA (UITM)", dlm. *GEMA Online Journal of Language Studies*, Vol. 10(3), 15-33.
- Giles, H, Bourhis, R. & Taylor, D. M. (1977). Towards a Theory of Language in Ethnic Group Relation, In H. Giles (ed.) *Language, Ethnicity and Intergroup Relations. European Monographs in Social Psychology (13)*. London: Academic Press, pp 307-348.
- Giglioli (1990). *Language and Social Context*. London: Penguin Books.
- Glazer, N. (1966). The Process and Problems of Language Maintenance : An Intergrative Review, in Joshua Fishman, (ed.) *Language Loyalty in the United States*. Mouton, The Hague, pp. 358-368.
- Grimes, B. F. (Ed). (2000). *Ethnologue Languages Of The World*. Dallas: Summer Institute Of Linguistics, Inc.
- Grimes, B. F. (Ed). (2002a). *Global Language Viability*. Jakarta: Kanisius.
- Gudschinsky, S. (1964). The ABC's of Lexicostatics, dlm. Dell Hymes, *Language in Culture and Society, A Reader in Linguistic and Society. A Reader in Linguistic And Anthropology*. New York: Harper and Row, hlm. 612-623.

- Halimah Ahmad. (1994). "Kajian Sikap", dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 38(12), 1073-1078.
- Haugen. E. (1950). The Analysis of Linguistic Borrowing, *Language*, 26 (2), 214.
- Hapenus. (2009). *Etmolinguistik Dayak Desa: Zingiberaceae dan Etnik*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia. Selangor.
- Holmes. J. (1995). *Women, Men and Politeness*. Harlow Essex: Longman.
- Ibrahim Syukri. (2002). *Sejarah Kerajaan Melayu Patani*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ihemere, K. U. (2006). An Integrated Approach to the Study of Language Attitudes and Change in Nigeria : The Case of the Ikwerre of Port Harcourt City. dlm. O.F. Arasanyin & M.A. Pemberton (pnyt.), *Selected Proceedings of the 36th Annual Conference on African Linguistic* (hlm. 194-207).
- Ilangko Subramaniam, Noorulafiza Abdul Muthalib & Siti Nor Hamahida Zainal. (2013). Penggunaan Bahasa Ibunda Dalam Pengajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Peribumi Di Sekolah Pedalaman Sarawak. dlm. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol. 4(1), 65-74.
- Indirawati Zahid & Mardian Shah Omar. (2006). *Fonetik dan Fonologi*. Kuala Lumpur: PTS Profesional.
- Ismail Hussein. (1973). The Malay Dialects in the Malay Peninsular. *Nusantara*. Hlm. 69-79 Bil. 3, Januari.
- Ismail Salleh. (2012). Fenomena Kepupusan Bahasa: Kedudukan Bahasa Melayu dan Masa Depan. dlm. *Dewan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 12 (3), 25-28.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi, & Parilah M. Shah. (2010). "Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran Kemahiran Lisan Bahasa Arab Di Universiti Teknologi MARA (UiTM)", dlm. *GEMA Online Journal of Language Studies*, Vol. 10(3), 81-97.
- Jones, D. (1998). *The Pronunciation of English from 4th Edition, revised and enlarged 1956* : Cambridge United Kingdom. Cambridge University Press.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Besar Bahasa Indonesia Pusat Bahasa Edisi Keempat*. (2008). Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Kamaruddin Esayah. (1999). *Perbandingan Fonologi Dialek Melayu Satu dengan Dialek Melayu Perlis*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Selangor.

- Kamsiah Abdullah. (1984). *Sikap dan Motivasi Penuntut Melayu di Sekolah Menengah Singapura Terhadap Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Kamsiah Abdullah. (2000). *Sikap, Penguasaan dan Penggunaan Bahasa Melayu di Singapura*. Singapura: Angkatan Sasterawan 50.
- Keraf, G. (1993). *Komposisi : Sebuah Pengantar Kemahiran Bahasa*. Universiti Michigan: Nusa Indah.
- Khalid Johari. (2003). *Penyelidikan Dalam Pendidikan : Konsep dan Prosedur*. Selangor: Pearson Prentice Hall.
- Khairunesa Isa. (2014). Pengurusan dan Pelestarian Bahasa Peribumi Sarawak. *Majalah Peribumi Melestarikan Bahasa dan Sastera Etnik Sawarak*, 2 (2). 6-9.
- Koentjaraningrat. (1981). *Beberapa Pokok Antropologi Sosial*. Jakarta. Gramedia.
- Koentjaraningrat. (1981). *Metode-Metode Penelitian Masyarakat*. Jakarta: Dian Rakyat.
- Kong Lee Fong. (1999). *Pemilihan Bahasa di Kalangan Peniaga Cina dalam Domain Jual Beli : Kajian di Kampung Sungai Durin, Sibu Sarawak*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- King, R. (1989). "On the Social Meaning of Linguistic Variability in Language Death Situations: Variation in Newfoundland French". In Nancy C. Dorian (ed.), *Investigating Obsolescence*. Cambridge: Cambridge University Press. 139–48.
- Kridalaksana, Harimurti. (1983). *Kamus Linguistik*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Lam Kai Chee & Kamila Ghazali. (2012). "Saya Suka Tapi Tak Bangga : Satu Kajian Sikap Bahasa", dlm. *GEMA Online Journal of Language Studies*, Vol. 12(1), 275-293.
- Lauder, Multamia R.M.T. (2004). "Optimalisasi Bahasa Indonesia Berbasis Korpus Linguistik" .dlm. *Makalah Pertemuan Ilmiah Bahasa dan Sastra Indonesia XXVI*. Universitas Muhammadiyah, Poerwokerto, hlm. 4-5.
- Lambert, W. W., & Lambert, W. E. (1973). *Social Psychology (ed. Ke2)*. Englewood Cliffs, N.J.: Prentice-Hall, Inc.
- Lucy Ruth Montolalu, Muhadjir, & Multamia RMT Lauder. (1997). dlm. *Pesona Bahasa : Langkah Awal Memahami Linguistik*. Penerbit Pt Gramedia Pustaka Utama: Jakarta.

- Low, H. (1958). *Sarawak: Its Inhabitants and Productions*. London:Routedge.
- Mallinson, G. (1981). *Language Typology : Cross Linguistic Studies in Syntax*. Amsterdam : North-Holland Publishing Co.
- Maneerat Chotikakamthorn. (1987). *A Comparative Study of Phonology in Satun Malay and Pattani Malay*. Master Thesis: Mahidol University.
- Maya Khemlani David. (2001). *The Sindhis of Malaysia : A Sociolinguistic Study*. London: Asean Academic Press.
- Macdonell, A.A. (1976). *A Practical Sanskrit Dictionary – with Transliteration, Accentuation, and Etymological Analysis Throughout*. London: Oxford University Press.
- Merriam-Webster (2013). *Collegiate Dictionary Eleventh Edition*. An Encyclopaedia Britannica Company.
- Merriam, S.B. (1988). *Case Study Research in Education : A Qualitative Approach*. California:Josey-Bass Inc.
- Mohd Sharifudin Yusop. (2007). *Keusangan Bahasa Orang Melayu Proto : Kajian Sosiologi Bahasa Terhadap Dialek Duano dan Dialek Kanaq di Johor*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia: Selangor.
- Mohd Sharifudin Yusop. (2013). *Keterancaman Bahasa Orang Asli Duano dan Kanaq*. Serdang: Penerbit UPM.
- Mohd Tarmizi Hasrah. (2018). “Dialek Melayu Hulu dan Hilir di Timur Semenanjung Malaysia”, dlm. dlm. *Jurnal Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Vol. 18 (1), 65-102.
- Mohammad Fadzeli Jaafar, Idris Aman & Norsimah Mat Awal. (2017). “Morfosintaksis Dialek Negeri Sembilan dan Dialek Minangkabau”, dlm. *GEMA Online Journal of Language Studies*, Vol. 17 (2), 177-191.
- Mohammad Fadzeli Jaafar, Norsimah Mat Awal, Mohammad Azlan Mis & Hayati Lateh. (2015). “Bahasa Sempadan Malaysia-Thailand: Pengekalan Vs Peralihan”, dlm. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia. 5(1), 1-9.
- Mohammad Fadzeli Jaafar, Norsimah Mat Awal & Idris Aman. (2012). “Sikap dan Kefahaman Pelajar Terhadap Dialek Negeri Sembilan : Kajian Sociolinguistik”, dlm. *GEMA Online Journal of Language Studies*, Vol. 12(4), 1193-1211.
- Mohammed Azlan Mis. (2010). “Lingua Franca di Sarawak : Aplikasi Teori Pilihan Bahasa”, dlm. *GEMA Online Journal of Language Studies*, Vol.10(2), 97-116.

- Mougen, R & E Beniak. (1989). "Language Contraction and Linguistic Change : The Case of Welland French", in N. Dorian (Ed). *Investigating Obsolescence : Studies in Language Contraction and Death*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Muna Afifah Mohd Zulkepli. (2018). *Kelestarian Bahasa Jahai dari Sudut Sosiolinguistik*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia. Selangor.
- Natsue Hieda & Maserah Shabudin. (2014). "Sikap Mahasiswa UKM Terhadap Bahasa Jepun : Satu Kajian Kes", dlm. *GEMA Online Journal of Language Studies*, Vol. 14(1), 135-150.
- Neuman, W.L. (1997). *Social Research Method*. Boston: Allyn & Bacon.
- Nik Safiah Karim. (2004). *Bahasa Melayu Sedekad Lalu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim. (1992). *Beberapa Persoalan Sosiolinguistik Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Adriana Santa Tinggom, Siti Noraini Hamzah & Hayati Lateh. (2019). "Penyebaran Dialek Melayu Satun di Langkawi dan di Thai : Satu Kajian Perbandingan Berasaskan Geographic Information System (GIS)", dlm. *GEMA Online Journal of Language Studies*, Vol 19(1), 77-96.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Maizatul Hafizah Abdul Halim, Harishon Mohd. Radzi, & Junaini Kasdan (2017). "Penyebaran Dialek Melayu Di Langkawi: Analisis Geolinguistik" dlm. *GEMA Online Journal of Language Studies*, Vol 17(4), 885-901.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Norlisafina Sanit, Zaharani Ahmad, & Harishon Mohd. Radzi. (2016). "Variasi Kata Ganti Nama Dialek di Pesisir Sungai Perak: Analisis Geographical Information System (GIS)", dlm. *GEMA Online Journal of Language Studies*, Vol 16(1), 109- 123.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2015). "Penyebaran Dialek Patani di Perak : Analisis Geolinguistik", dlm. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. 8 (2), 310-330.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Junaini Kasdan, & Zaharani Ahmad. (2010). "Sosiokognitif Pelajar Remaja Terhadap Bahasa Melayu", dlm. *GEMA Online Journal of Language Studies*, Vol. 10(3), 67-87.
- Norhisham Osman. (1991). *Kajian Pemilihan Bahasa Kajian Kes di Kawasan Perumahan Ulu Dedap, Seberang Perak*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Norhisham Osman. (1994). *Kajian Pemilihan Bahasa di Kawasan Perumahan Ulu Dedap Seberang Perak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Noriah Mohamed. (1991). *Penggunaan Bahasa dalam Komuniti Melayu Iban di Betong, Sarawak : Satu Kajian Etnososiologi*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Noriah Mohamed. (2003). *Beberapa Topik Asas Linguistik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Noriah Mohamed & Meriam Abd. Karim. (2005). "Penggunaan Bahasa Melayu Kreol Chetti Melaka : Satu Analisis Domain", dlm. *Jurnal Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 5(1), 1-50.
- Noriah Mohamed. (2016). *Pelestarian Turunan, Penelusuran Moyang, Pengadunan Sosiologi dan Linguistik Sejarah dalam Pendokumentasian Bahasa Peribumi*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Norizah Ardi. (2005). *Sikap Terhadap Bahasa Melayu dan Penggunaannya di kalangan Pelajar Universiti di Selatan Thailand*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Nureeda Salaemae. (2000). *Pemilihan Bahasa di Kalangan Wanita Melayu Patani : Satu Kajian Kes di Narathiwat Thailand*. Ijazah Sarjana. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Nur Faaizah Md Adam. (2014). *Pelestarian Bahasa Suku Kaum Jahut dari Aspek Fonologi dan Leksikal*. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia. Selangor.
- Nurul Purwaning Ayu (2013). *Konsep Hidup dan Mati dalam Leksikon Khaul Buyut Tambi (Kajian Etnolinguistik di Indramayu)*. Sarjana Sastera: Universitas Pendidikan Indonesia.
- Noor Saadah Salleh. (2018). *Status Kelestarian Bahasa Minoriti Kentaq*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia. Selangor.
- Nothofer, Bernd. (1993). *Cita-cita Penelitian Dialek*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ohoiwutun, Paul. (2007). *Sosiologi Memahami Bahasa dalam Konteks Masyarakat dan Kebudayaan*. Jakarta: Kesaint Blanc.
- Omdal, H. (1996). "Attitudes Towards Spoken and Written Norwegian". Mouton : The Hague.
- Othman Mohamed (2001). *Penulisan Tesis dalam Bidang Sains Sosial Terapan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Othman Talib. (2013). *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan dan Statistik*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

- Oppenheim, A.N. (1966). *Questionnaire Design and Attitude Measurement*. Gover.
- Palmer, G. B. & William, R. J. (1996). Performance and Imagination: Toward and Anthropology of the Spectacular and the Mundane. dlm. *Cultural Anthropology*. Vol. 11(2), 225-258.
- Paul, W. (1961). *The Golden Khersonese : Studies in the Historical of the Malay Peninsular before AD1500*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Paitoon Masmintra Chaiyanara. (1983). *Dialek Melayu Patani dan Bahasa Malaysia: Satu Kajian Perbandingan segi Fonologi, Morfologi dan Sintaksis*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Paitoon Masmintra Chaiyanara. (1990). *Kata-kata Sanskrit dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Thai: Satu Kajian Perbandingan dari segi Fonologi*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Paitoon Masmintra Chaiyanara. (2005). “Transmorfologisasi Suprafiks: Dialek Patani Merentasi Zaman”, dlm. *Jurnal Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 5(1), 51-67.
- Parasher, S. N. (1980). Mother-Tongue-English Diglossia: A Case Study of Educated Indian Bilinguals’ Language Use. *Anthropological Linguistics*, 22 (4), 151-68.
- Rahmat Sato. (2002). *Permulaan Fonetik dan Fonologi*. Edisi ke-3. Bandar Seri Begawan: Universiti Brunei Darussalam.
- Raja Masittah Raja Ariffin & Che Ibrahim Haji Salleh. (2008). “Bahasa Melayu di Pulau Kokos: Suatu Tinjauan Sociolinguistik”, dlm. *Jurnal Bahasa*. Vol 8(2), 315–39.
- Rattiya Saleh. (1986). *The Malay Dialect of Southern Thailand*. Songkhla. Education Service Project, Srinakharinvirot University.
- Riduan Makhtar, Nurliyana SM Soflee, Mohd Sharifudin Yusop & Abd Ganing Laengkang. (2018). Pengaruh Dialek Kelantan dalam Bahasa Temiar: Satu Analisis Fonologi Struktural, dlm. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(11), 42-54.
- Roksana Bibi Abdullah. (2002). *Pemilihan dan Penggunaan Bahasa di Kalangan Masyarakat Melayu di Singapura*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Rohaidah Haron, Ab. Razak Ab. Karim & Indirawati. (2018). Pertembungan Bahasa di Selatan Thailand : Faktor dan Implikasi, dlm. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, Jilid 9, 117-129.
- Romaine, S. (1989). *Bilingualism*. Oxford: Basil Blackwell.

- Ruslan Uthai. (1999). *Etimologi Bahasa Melayu Patani: Sumber Tai-Kadai dan Austroasia*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia. Selangor.
- Ruslan Uthai. (2011). *Keistimewaan Dialek Melayu Patani*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Saidah Ismail. (2009). *Pemilihan Bahasa di Kalangan Komuniti Bugis*. Tesis sarjana. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Santrol Abdullah. (2016). *Etnolinguistik Bahasa Vaie di Sarawak, Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia. Selangor.
- Salbia Hassan. (2016). *Kajian Fonologi Dialek Melayu Kabong*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Samarin, W. J., (1967). *Field Linguistics : A Guide to Linguistic Field Work*. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Saville-Troike, M. (2003). *The Ethnography of Communication: An Introduction*. 3rd editions. Oxford: Blackwell Publishing.
- Siti Noraini Hamzah & Nor Hashimah Jalaluddin. (2015). Penyebaran Leksikal (Air) di Perak : Analisis Geo-Spatial .dlm. Kertas kerja *Seminar Linguistik Kebangsaan (Slik2015)*, 320-330.
- Siti Munirah Kasim. (2014). *Sosio Budaya dan Identiti Etnik Melayu di Thailand : Kajian Perbandingan Antara Melayu Bangkok dengan Melayu Patani*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Siti Hamin Stapa, Natsue Hieda, Normalis Amzah & Musaev Talabek. (2013). "Malaysia My Second Home : Isu Bahasa dalam Kalangan Peserta Jepun", dlm. *GEMA Online Journal of Language Studies*, Vol. 13(1), 185-200.
- Schilling-Estes, N. (2002). Field Methods. Dlm. J.K. Chambers, P. Trudgil & N. Schilling-Estes (pnyt.), *The Handbook of Language Variation and Change* (hlm. 17-19). Oxford: Blackwell.
- Schiffman, Harold F, (1999). *A Reference Grammar of Spoken Tamil*. Cambridge, UK: Cambridge University Press.
- Sasse, Hans-Jurgen (1992). Theory of Language Death: Language Decay and Contact-Induced Change. Similarities and difference.dlm. Brenzinger, M (pnyt). *Language Death; Factual and Theoretical exploration with Special Reference to East Africa*. Berlin and New York: Mouton de Gruyter.
- Sibayan, Bonifacio P. (1988). Terms and points of reference in intellectualization with particular reference to Filipino. *Philippine Journal of Linguistics*. 19.2. 7-12.

- Sibarani, Robert. (2004). *Antropolinguistik: Antropologi Linguistik, Linguistik Antropologi*. Medan: Penerbit Poda.
- Sidek Mohd Noah. (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Simons, G. F. & Charles, D. F. (eds). (2017). *Ethnologue : Languages of the World, Twenty-first edition*. Dallas, Texas : SIL International. Online version. Retrieved from <http://www.ethnologue.com>
- Siti Rahimah Mustaffa, Raja Masittah Raja Ariffin, & Normahdiah Sheikh Said. (2014). “Kekeliruan Jati Diri Punca Bahasa Bercampur Aduk”, dlm. *Jurnal Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 14(1), 134-158.
- Solihin Abu Hassan. (2011). Dialek dan Masa. dlm. *Dewan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 11 (9), 40-43.
- Suthasinee Suwanyuha. (2006). *Perbandingan Kosa Kata Dialek Melayu Patani dengan Bahasa Melayu*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Swadesh, M. (1950). Salish Internal Relationship. *International Journal of American Linguistics*, 16, 157-167.
- Carolyn Hong (2017, August 1) Saving “endangered” Languages in Malaysia. *The Straits Times*. Online version. Retrieved from <https://www.straitstimes.com/asia/se-asia/saving-endangered-languages-in-malaysia>
- Teo Kok Seong. (2005). “Asimilasi Dialek Melayu Kelantan dan Dialek Thai Kelantan dalam Bahasa Cina Peranakan Kelantan”, dlm. *Jurnal Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 5(1), 68-82.
- Teo Kok Seong. (1998). “Sikap Bahasa”. dlm. *Pelita Bahasa*, Januari, 1998, 40-43.
- Trudgill, P. (2003). *A Glossary of Sociolinguistics*. Edinburgh : Edinburgh University Press.
- Waemaji Paramal. (1991). *Long Consonants in Pattani Malay: The Result of Word and Phrase Shortening*. Master Thesis: Mahidol University.
- Wan Khairulhusna Wan Mokhtar. (2011). *Kelestarian Bahasa Orang Asli Bateq dan Mah Meri berdasarkan Aspek Fonologi dan Leksikal*. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia. Selangor.
- Watson, S. (1989). Scottish and Irish Gaelic : The Giant’s bed-fellows. dlm. Dorian, N.C (pnyt.). *Investigating Obsolescence : Studies in Language*

Contraction and death. Hlm. 41-59. Cambridge: Cambridge University Press.

Weinrich, U. (1986). *Languages in Contact : Findings and Problems*. The Hague. Mouton.

Wilding, A. (1990). *Pattani Malay Dictionary*. Yala: Overseas Missionary Fellowship.

Worf, R. M. (1997). Questionnaire. Dlm. J.P Keeves (Ed). *Educational Research, Methodology and Measurement: An International Handbook*. Oxford: Elsevier Science Ltd.

Young, C. E. (2003). College Students Reactions to Accent of L2 Learners of Spanish and English. dlm. L.Sayahi (pnyt.), *Selected Proceedings of the First Workshop on Spanish Sociolinguistics* 107-111.

Yusriadi. (2007). *Dialek Melayu Ulu Kapuas Kalimantan Barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Yusriadi & Hermansyah. (2003). *Orang Embau: Potret Masyarakat Pedalaman Kalimantan Barat*. STAIN Pontianak Press.

Zainal Abiddin Masleh. (2011). *Kajian Etnolinguistik Terhadap Kelestarian Bahasa Bhuket dan Bahasa Lahanan di Daerah Belaga, Sarawak*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia. Selangor.

Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin, & Yusmaniza Mohd. Yusoff. (2018). GIS Mapping of Dialect Variations in North Perak. *Dialectologia*, (20), 1-20.

Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin, & Shariffulizan Malek (2011). "Fonologi rangkap vokal dan kepelbagaian dialek melayu: Analisis teori optimaliti", dlm. *GEMA Online Journal of Language Studies*, Vol. 11(3), 5-30.

Zaharlick, A. & Green, J.L. (1991). Ethnographic Research. dlm J. Flood, J. M. Jensen, D. Lapp & J.R. Squire. (Eds.) *Handbook of Research On Teaching The English Language Arts*. (hlm 205-225). New York: Macmillan Publishing

BIODATA PELAJAR

Wan Khairulhusna binti Wan Mokhtar, dilahirkan di Kangar, Perlis pada 26 Jun 1985. Merupakan anak bongsu dari enam adik-beradik. Dibesarkan dalam keluarga pendidik yang mementingkan nilai akhlak dan akademik menjadi pencetus kepada minat dan kerjayanya. Kedua ibu bapa dan dua orang kakaknya adalah sumber inspirasi yang berjasa dalam menyemai semangat untuk terus menuntut ilmu.

Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Dato' Kayaman dan menyambung pelajaran di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Perempuan, Kangar sehingga tingkatan 5. Meneruskan persekolahan di tingkatan enam di Sekolah Menengah Derma, Kangar. Pada tahun 2005, beliau ditawarkan untuk menyambung pelajaran dalam pengajian Bachelor Sastera Pengkhususan Bahasa dan Linguistik Melayu di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia selama 3 tahun. Demi mencapai cita-cita yang diimpikan, beliau menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi iaitu peringkat Ijazah Sarjana dalam bahasa Melayu dengan fokus kajian adalah dalam bidang Sociolinguistik, Sosiologi bahasa dan Antropologi Bahasa di Universiti Putra Malaysia pada tahun 2008. Beliau seterusnya menyambung pengajian ke peringkat Doktor Falsafah di Universiti Putra Malaysia dalam bidang bahasa Melayu dengan fokus kajian dalam bidang yang sama.

Pernah berkhidmat di Kolej Islam Antarabangsa, Gombak sebagai pensyarah bahasa Melayu. Kini beliau berkhidmat di INTI International University dan Cyberjaya University College of Medical Science (CUCMS) sebagai pensyarah bahasa (sambilan).